nurunan pasaran hartanah lebih
drastik

Menurutnya lagi, selain tindakan ke-
nyataan, persepsi masyarakat terhadap ka-
wasan yang terbiat turut memengaruhi pe-
ranan besar dalam menentukan nilai
tatanan.

"Kadang-kadang rumah itu cantik, tetapi jika wujud persepsi negatif, nilainya tetap terjejas. Contohnya, ada kawasan yang dikatakan berhantu atau pernah menjadi tanah perkuburan, maka ia kurang mendapat sambutan pembeli," ujar Azizi Azli lagi.

Sementara itu, Ketua Pengajaran Siswazah Kolej Alam Bina Universiti Teknologi Mara (UiTM), Profesor Madya S. Dr Rohayu Ab Majid berkata, kaedah seperti penempatan semula atau intervensi dalam bentuk pembangunan baru boleh membantu menaikkan semula nilai kewangan tenaga.

Saya meraung lihat video anak dikasari - Ibu Abang Belon

34
7/4

KUALA LUMPUR - Ibu kepada Muhammad Zaimuddin Azlan atau lebih dikenali sebagai Abang Belon tidak dapat menahan kesedihan selepas melihat rakaman video tular yang memaparkan anaknya didakwa dikasari anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).



HASNAH

Hasnah Mat Isa, 54, yang juga tukang cuci berkata, dia melihat video insiden tersebut ketika sedang bekerja dan terkejut apabila mendapati anaknya dipukul, dicekup leher dan ditendang ketika sedang berniaga belon.

"Apabila suami mengesahkan pemuda yang dipukul di dalam video itu anak kami, saya meraung dan terus menarigis teresak-esak. Satu bangunan boleh mendengar suara saya."

"Saya terlalu sedih kerana begitu kejamnya manusia, walhal dia hanya berniaga belon untuk menyara keluarga dan tidak menyerang sesiapa. Tindakan mereka sangat kejam," katanya pada sidang akhbar selepas anaknya membuat laporan polis berhubung insiden itu di Ibu Pejabat Polis (IPD) Dang Wangi di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, Hasnah berkata, anak keduanya itu bekerja sebagai kedi golf, namun mengambil inisiatif menjual belon secara sambil-an kerana kurang pelanggan sepanjang Ramadan.

"Dia sakit dan memerlukan wang untuk menjalani pembedahan hernia pada 18 April ini. Menjelang musim perayaan, dia berniaga belon kerana kawasan itu tumpuan orang ramai."

"Belon yang dijual diambil daripada pembekal secara amanah dan jika tidak habis dijual, lebihan akan dipulangkan semula," katanya.

Menurut Hasnah, hasil jualan belon itu turut digunakan untuk menyara ayahnya, sekali gus menjadi satu-satunya sumber pendapatan keluarga ketika ini.

"Dia anak kedua daripada tiga beradik. Setiap kali dapat duit, dia akan hulur pada mak dan ayah. Sebagai ibu, saya sangat sedih apabila anak saya diperlakukan begini," ujarnya.

'Saya bukan jual dadah, tapi berniaga belon'

SH

7/4

Abang Belon persoal layanan kasar, tidak berperikemanusiaan penguat kuasa terhadapnya

Oleh NURUL NABILA AHMAD HALIMY KUALA LUMPUR

Penguat belon mempersoalkan layanan kasar dan tidak berperikemanusiaan penguat kuasa Dewan Bandar raya Kuala Lumpur (DBKL) terhadapnya walaupun mungkin tindakan itu dibuat atas alasan dia memiliki rekod jenayah lampau.

Muhammad Zaimuddin Azlan, 28, atau lebih dikenali sebagai Abang Belon berkata, dia hanya menjual belon demi sesuap nasi.

Adakah kerana saya pernah ada kes, maka saya tidak boleh mencari rezeki halal? Saya bukan menjual dadah tetapi berniaga belon untuk menyara hidup. Kalau saya bekas penjenayah sekalipun, itu bukan lesen untuk sesiapa memperlakukan diri secara zalim.

Kalau saya miskin, susah dan ada kes lampau, adakah penguat kuasa DBKL boleh layan saya seperti sampah? Adakah saya tidak berhak untuk melawan dan mempertahankan diri?" katanya dalam satu sidang akhbar selepas membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi di sini pada Ahad.

Pemuda itu membuat laporan polis berkenaan selepas tujuh hari dirawat di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang kerana dipercayai meng-



Muhammad Zaimuddin bercakap kepada pemberita selepas selesai melakukan laporan polis di IPD Dang Wangi pada Ahad.

alami kecederaan serius susulan dakwa dikasari oleh penguat kuasa DBKL di hadapan pusat beli-belah Sogo, Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) pada 28 Mac lalu.

Sebelum ini, tular satu video memaparkan kekecohan antara lelaki terbabit dengan anggota penguat kuasa DBKL ketika proses penyitaan barangan di tepi jalan berkenaan.

Muhammad Zaimuddin mendakwa, dalam insiden itu dia dipukul, dicekup leher dan ditendang ketika sedang berniaga belon.

Katanya, perniagaan menjual belon dilakukan secara sambaran kerana pekerjaan tetapnya sebagai kedi golf tidak mendapat banyak permintaan sepanjang bulan Ramadan.

Justeru, Muhammad Zaimuddin berkata, dia akan mempertimbangkan tindakan undang-undang terhadap pihak berkuasa demi mempertahankan maruah diri dan keluarganya.

"Terima kasih kepada semua yang mendoakan saya dan keluarga. Saya hendak berubah, bukan mudah jadi orang miskin.

"Kepada mereka yang memberi komen dan kata-kata hinaan, saya doakan agar apa yang berlaku kepada saya tidak akan dilalui oleh anda semua. Saya telah melihat video tular itu di media sosial dan ingin memohon maaf kepada seluruh keluarga," ujarnya.

Muhammad Zaimuddin turut menggesa pihak berkuasa supaya menjaga integriti serta bertindak mengikut lulus undang-undang.

"Kepada pihak berkuasa, tolong jaga integriti dan bertindak mengikut undang-undang. Saya hanya mencari sesuap nasi bagi diri dan keluarga.

"Kami juga berhak menyambut hari raya seperti orang lain. Saya akan tetap lawan kerana perkara ini zalim," dakwanya.

Rugi RM703,000 terpedaya pelaburan tidak wujud

Pengurus syarikat buat pelaburan berperingkat menerusi tujuh transaksi ke empat akaun bank berbeza

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Seorang pengurus syarikat mengalami kerugian sebanyak RM703,000 selepas terpedaya dengan skim pelaburan tidak wujud melalui aplikasi WhatsApp.

Wanita berusia 47 tahun itu telah memuat turun aplikasi pelaburan yang diberikan suspek pada awal Julai 2024.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, mangsa kemudiannya membuat pelaburan secara berperingkat menerusi tujuh transaksi ke empat akaun bank berbeza.

"Melalui aplikasi tersebut, mangsa dimaklumkan mengenai keuntungan yang diperolehi, namun tidak dibenar-



Orang ramai dinasihatkan membuat semakan nombor akaun yang diterima di pautan rasmi sebelum melakukan sebarang transaksi kewangan. Gambar kecil: Yahaya

Mahkamah & Jenayah

kan untuk membuat pengeluaran. Mangsa menyedari ditipu setelah diminta menambah modal pelaburan," katanya

pada Ahad.

Yahaya memberitahu, berdasarkan laporan dibuat, sumber dana yang digunakan oleh mangsa termasuk wang simpanan sendiri, wang suami dan pinjaman daripada majikannya.

Sehubungan itu, Yahaya menasihatkan orang ramai agar tidak mudah terpedaya dengan tawaran pelaburan dalam talian yang menjanjikan pulangan tinggi.

Beliau turut mengingatkan masyarakat supaya membuat semakan nombor akaun yang diterima di pautan rasmi Polis Diraja Malaysia, <https://semakmule.mpp.gov.my/> sebelum melakukan sebarang transaksi kewangan.

Kerjasama urus bencana diperluas

Malaysia kukuhkan peranan SMART, rundingan MoU dijangka selesai tahun ini

PUTRAJAYA 24 6/4

Malaysia akan memperluas kerjasama dalam pengurusan bencana dengan beberapa negara termasuk Jepun, Rusia dan Korea Selatan agar kepakaran Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) terus diperkukuh.

Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Khairul Shahri Idrus berkata, rundingan bagi memuktamadkan memorandum persefahaman (MoU) dengan negara berkenaan dijangka selesai tahun ini.

Beliau berkata, NADMA telah berunding dengan Jepun untuk memuktamadkan MoU itu, manakala beberapa rundingan kini pada tahap akhir termasuk Rusia dan Korea Selatan, namun keputusan akhir bergantung kepada Kabinet untuk melihat kesesuaian dengan kepentingan negara.

Khairul Shahri berkata, Malaysia telah menandatangani MoU dengan beberapa negara termasuk Singapura, Indonesia dan Turki yang menandakan pengiktirafan antarabangsa terhadap kepupusan negara dalam pengurusan bencana serta kepakaran pasukan SMART khususnya

dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR).

"MoU ini kita anggap penting dari segi kerjasama teknikal dalam operasi dapat diformalkan dan pada masa sama, ia juga merupakan satu pengiktirafan yang menunjukkan negara lain juga ingin belajar daripada kelebihan dan kepakaran pasukan SMART," katanya baru-baru ini.

Telesanya, MoU itu bukan sahaja bertujuan memperkukuh hubungan strategik, tetapi juga meningkatkan kecakapan dalam pengurusan bencana terutama dalam operasi SAR melalui latihan bersama antara pasukan SMART dan pasukan elit negara lain.

Untuk memastikan pasukan itu kekal relevan, beliau berkata, kerajaan sedang meneliti kemungkinan menambah keanggotaan SMART, mengambil kira pengalaman ketika membantu operasi SAR gempa bumi di Gaziantep, Turki pada Februari 2023.

Beliau berkata, jumlah anggota pasukan itu selakaf ini masih mematuhi piawai-piawai pasukan menyelamat antarabangsa seperti yang disyorkan Kumpulan Perusahan, Mencari dan Menyelamat Antarabangsa (INSARAG).

Pasukan itu adalah gabungan tiga badan beruniform utama negara iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Ugarnya, cadangan mengekalkan anggota SMART dalam pasukan sedang diteliti memandangkan ketika ini anggota akan kembali ke unit asal apabila tempoh

perkhidmatan tamat.

Khairul Shahri berkata, perbincangan sedang berjalan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mencari mekanisme terbaik bagi memastikan kepakaran yang dimiliki anggota itu dapat dikekalkan dalam pasukan.

Ti peringkat serantau, beliau berkata, pasukan SMART terlibat dalam beberapa latihan amal yang diketendalikan Sekretariat

ASEAN dan menerima permohonan daripada negara jiran termasuk Brunei, Thailand dan Indonesia untuk menjadi penasihat kepada pasukan penyelamat masing-masing sehingga mendapat pengiktirafan INSARAG.



KHAIRUL SHAHRI

"Malaysia turut menerima jemputan sebagai pakar rujuk dalam persidangan antarabangsa yang berkaitan dengan operasi SAR, membuktikan kedudukan SMART sebagai pasukan penyelamat bertaraf dunia," katanya.

Pasukan SMART adalah gerakan bantuan kedua di Asia Tenggara diiktiraf INSARAG selepas Singapura dan anggota pasukan itu sering dipanggil sebagai pakar rujuk dalam persidangan antarabangsa melibatkan aktiviti SAR.

"Kesediaan negara lain termasuk negara maju untuk mengadakan kerjasama seperti latihan bersama menunjukkan bahawa dari segi imej, pasukan SMART berada di peringkat antarabangsa dan secara tidak langsung menjulang nama Malaysia," katanya. — Bernama

178 rumah sementara untuk penduduk terjejas

9H
6/4

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor dalam proses menyediakan 178 unit rumah sementara bagi memastikan keselesaan dan keselamatan penduduk yang terjejas.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, daripada jumlah tersebut, 100 unit rumah akan disediakan melalui skim Smart Sewa Selangor.

"Baki 78 unit rumah sementara akan disediakan yang menawarkan dua bulan sewaan percuma bagi membantu mangsa yang kehilangan tempat tinggal.

Amirudin menjelaskan bantuan itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan negeri untuk memastikan mangsa yang terjejas meneruskan kehidupan mereka dalam keadaan selamat.

"Kita berharap mereka tidak terbeban dengan masalah perumahan sementara menunggu proses pemulihan dan penyelesaian lebih lanjut," kata beliau.

Katanya, pemilik 130 rumah daripada 235 unit yang terlibat dalam insiden letupan dan kebakaran itu telah dibenarkan untuk pulang semula dan kebanyakannya di kawasan Taman Putra Harmoni.

Bagaimanapun katanya, penduduk di Kampung Sungai Baru masih belum dibenarkan pulang atas faktor keselamatan, berdasarkan laporan daripada bomba, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan agensi teknikal yang terlibat.

"Berdasarkan laporan diterima, kawasan di Kampung Sungai Baru masih belum selamat untuk didiami.

"Ini berikutan kejadian di mana seorang mangsa dilaporkan jatuh sakit selepas pulang ke kawasan yang masih tidak selamat," katanya semasa sidang akhbar di Wisma Dewan Annexe, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di sini pada Sabtu.

Sementara itu kata Amirudin, lima kenderaan akan disediakan bagi menghantar pelajar dari pusat pemindahan sementara (PPS) ke sekolah masing-masing bermula esok.

Beliau berkata, sebanyak 34 buah sekolah terlibat dalam pengaturai pengangkutan tersebut.

Ujarnya, lebih banyak kenderaan akan disediakan jika diperlukan bagi memastikan pelajar pergi dan pulang dari sekolah.

"Kita bersedia untuk menyediakan kemudahan tambahan jika keperluan meningkat," katanya.

Beliau menjelaskan, rujukan mengenai pengangkutan itu boleh dibuat melalui ketua PPS yang bertanggungjawab di kawasan masing-masing untuk memastikan koordinasi lebih baik dan pengurusan lebih efisien.

"Kerajaan negeri akan terus memastikan bantuan dan sokongan diberikan kepada mereka yang terlibat," ujar beliau.

Bantuan berdasarkan kerosakan

MB Selangor nafi berlakunya bantuan ikut taraf kedudukan

SEAH ALAM

24 6/4

Mentri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, menatikan dakwaan terdapat pemberian bantuan dua darjah kepada penduduk yang ter- kesian susulan insiden letupan dan kebakaran saluran gas di Putra Heights Subang Jaya.

Beliau menegaskan, bantuan yang di- berikan oleh kerajaan berdasarkan kepada tahap ke- rosakan harta benda yang di- alami oleh penduduk dan tidak ada kategori dua darjah seperti yang didakwa.

Amirudin menjelaskan, pen- duduk yang mengalami ke- rosakan keseluruhan akan me- nehmia bantuan sebanyak RM5,000, manakala bagi me- reka yang mengalami kerosakan sebahagian pula bantuan se- banyak RM2,500 akan diberi-

kan.

"Tidak satu atau dua darjah dalam pemberian bantuan ini kerana semua bantuan diben- kan berdasarkan tahap kerosak- an dialami oleh setiap individu.

"Ini sangat jelas dan tiada sebarang keistimewaan diberi- kan kepada mana-mana pihak," katanya pada sidang akhbar di Wisma Dewan Annexe, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di sini pada Sabtu.

Beliau berkata, demikian susulan terdapat dakwaan agih- an bantuan yang lebih tar- lumpu kepada kawasan Taman Putra Harmoni berbanding penduduk terjejas di kawasan Kampung Sungai Baru.

Amirudin berdebat ter- dapat satu kategori baharu turut diperkenalkan iaitu dengan membantu penyewa rumah fre- elbar.

"Moreka yang menyewa juga akan menerima bantuan, tetapi proses pengesahan sedang di- lakukan untuk memastikan ke- terpatutan penerima bantuan.

"Ini termasuk memeriksa data dengan pemilik tanah dan memastikan bahawa alamat yang diberikan adalah sah, se- lain proses ini mungkin meng-



Kedua-dua kawasan kebakaran yang melibatkan saluran paip gas ketika tinjauan foto Bernama di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights pada Sabtu.

ambil sedikit masa kerana ter- dapat kes-kes penyewa tidak memuat alamat mereka," jelas- nya lagi.

Amirudin menegaskan semua pihak bersabar dengan proses pengesahan itu dan memberi jaminan kerajaan negeri akan berusaha melaksanakannya de- ngan secepat mungkin.

"Bagi pihak yang ingin mem- berikan sumbangan kepada ini

di luar kawalan kami. Namun, bantuan yang diberikan oleh ke- rajaan akan disalurkan melalui saluran lebih teratur," tambah beliau.

Amirudin menjelaskan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga telah meti- garahkan pengagihan bantuan diselaraskan melalui pejabat ke- rajaan negeri dan agensi keraja- an yang berkaitan seperti

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Petronas.

"Pengagihan bantuan akan disalurkan melalui pengesahan bencana daerah bersama de- ngan JKJ yang menyimpan data dan senarai mangsa.

"Kami juga akan memesti- kan agihan bantuan ini lebih mudah dan efektif termasuk ke- mungkinannya pengagihan dalam bentuk tunai," katanya.



Penduduk memuat kenderaan polis untuk masuk ke kediaman masing-masing bagi mengambil barangan keperluan serta dokumen penting.

Qh
b/y

Selangor batal penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri

SHAH ALAM - Rumah Terbuka Aidilfitri Madani 2025 Peringkat Negeri Selangor yang diadai bertampang hari ini dibatalkan serta-merta sebagai menghormati mangsa insiden tetapan dan kebakaran satruan gas di Putra Heights, Subang Jaya.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan itu dibuat selepas mendapat perkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, segala pemisahan pada majlis itu termasuk makanan akan dipindahkan kepada pusat pemindahan sementara (PPS) rumah anak yatim, sekolah berasrama dan petugas keselamatan yang bertugas di lokasi bencana.

"Keputusan ini diambil demi menghormati mangsa dan keluarga yang terkorban dalam insiden menyayat hati itu."

"Saya memohon maaf atas segala kesulitan susulan pembatalan ini," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada seluruh pasukan petugas dan pelaksana majlis yang bertungkus-lumus melakukan persiapan sebelum ini.

"Saya haraai perselahamat semua pihak yang meremua keputusan ini dengan hati terbuka demi masalah lebih besar."

Sebelum insiden ini berlaku, Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Negeri Selangor diadai akan diadakan di Dataran Kawad Akademi LHDN, Seksyen 15, Bandar Baru Bangi.

SINAR HARIAN

Tarikh: 06 APR 2025

Agong beri sumbangan peribadi

Sebanyak RM1,000
diserahkan kepada
setiap Ketua Isi Rumah

8th 6/4

SUBANG JAYA



Sultan Ibrahim (tengah) menyampaikan sumbangan duit raya kepada salah seorang penerima pada Sabtu.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan menencar duit melawat tapak insiden letupan dan kebakaran saluran gas di Putra Heights di sini dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa terjejas.

Keberangkatan tiba Seri Paduka di lokasi pada jam 10 pagi disambut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amarudin Shari, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay dan pegawai kanan kerajaan lain.

Baginda turut diberikan taklimat mengenai insiden itu di Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) sebelum berangkat ke kawasan terjejas bersama agensi berkaitan.

Sebelum selepas itu, Yang di-Pertuan Agong, diiringi Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah berangkat ke Dewan Sarbaguna Masjid Putra Heights bagi menyempurnakan sesi penyerahan sumbangan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) terjejas.

Sebanyak RM1,000 diserahkan kepada setiap KIR sebagai sumbangan peribadi baginda.

Sekitar 10 pagi Sabtu, 382 mangsa daripada 99 keluarga ditempatkan di pusat penindahan sementara (PPS) Dewan Sarbaguna Masjid Putra Heights.

Baginda juga meluangkan masa meninjau keadaan di PPS itu bagi melihat keadaan kebajikan mangsa yang dipindahkan akibat insiden berkenaan.

Sultan Ibrahim kemudiannya berangkat pulang pada jam 10.50 pagi selepas lawatan dan penyerahan bantuan.

Menteri Besar
Selangor nafi campur
tangan siasatan isu
kebocoran gas,
beri jaminan
siasatan telus

Oleh MOHD IZZATUL
IZZUAN TAHIR
SHAH ALAM

SK 6/4

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menegaskan tidak campur tangan dalam siasatan berhubung insiden kebocoran gas di Putra Heights, Subang Jaya pada Selasa lalu.

Menurutnya, kenyataan yang dikeluarkan pada hari pertama kejadian adalah berdasarkan maklumat yang diterima daripada pihak polis terutama berhubung kewujudan jejak kuat yang dikaitkan dengan kejadian letupan gas.

Tegasnya, kenyataan itu bukan untuk melindungi mana-mana pihak berhubung isu tersebut.

"Saya tidak pernah berniat untuk campur tangan dalam siasatan kerana kenyataan saya adalah berdasarkan perbincangan dan siasatan awal polis dan meminta siasatan dijalankan secara telus," katanya pada sidang akhbar di Wisma Dewan Annexe, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), di sini pada Sabtu.

Amirudin turut menegaskan bahawa segala dakwaan yang mengatakan beliau melindungi mana-mana pihak atau cuba menutup aktiviti tidak sah adalah tidak berdasar.

"Saya lihat serangan di media sosial berterusan, tetapi saya sudah jelaskan.

"Tugas saya sekarang ialah memastikan bantuan campur tangan berjalan dan mangsa mendapat pembelaan," ujar beliau.

Amirudin turut memberi jaminan bahawa jawatankuasa



Amirudin pada sidang akhbar di Wisma Dewan Annexe, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Shah Alam pada Sabtu.

penyiasat akan bertindak secara bebas dan telus serta menggesa orang ramai untuk tidak membuat spekulasi sehingga siasatan selesai sepenuhnya.

"Saya hanya ingin memastikan siasatan dijalankan secara

adil dan menyeluruh.

"Saya tidak akan campur tangan dan akan memastikan bahawa semua pihak yang terbukti bersalah akan dikenakan tindakan yang sesuai," tambahnya. Beliau menjelaskan, barisan

jawatankuasa berkuasa dan penyiasat akan bertindak secara profesional berdasarkan fakta yang ada.

"Saya yakin proses ini akan berjalan dengan adil dan tidak ada fear and favor.

"Saya sudah menyerahkan sebaik mungkin dan selepas itu saya serahkan sepenuhnya kepada pihak yang berwajih untuk menjalankan tugas mereka," katanya.

Sementara itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri kini sedang menyiapkan proses penghantaran bantuan kepada mereka yang terjejas, dengan 100 unit rumah rosak sudah dikenal pasti.

"Kami akan menyelurkan bantuan pada hari setelah mengenal pasti senarai nama mangsa. Insya-ALLAH selesai.

"Selain itu, kami juga akan menyediakan penempatan sementara bagi mereka yang memerlukan," katanya.

Kusel, MBSJ mula kena audit

- MB tegaskan tiada agenda lindung mana-mana pihak
- Serah bahagian teknikal untuk lakukan siasatan

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM — Pengetua utiliti Selangor Koridor Utiliti Selangor (Kusel) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) kini diuji bagi siasatan termasuk membabitkan dakwaan kerja-kerja pengorekan di kawasan berhampiran kebajikan saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya dekat sini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kemasukan audit daripada kerajaan Persekutuan dan Selangor itu supaya kebenaran dapat dibuktikan dan disemak secara telus bagi mengelakkan kekeliruan.

Katanya, kerajaan negeri tiada sebarang agenda untuk dilindungi dan menyerahkan kepada bahagian teknikal untuk melakukan siasatan sewajarnya.

Mulai hari kedua (keadilan), audit masuk Kusel dan MBSJ. Kedua-dua jabatan ini membebankan sama ada melihat proses kebenaran mengikut jawatan dan aturan telah ditetapkan.

"Bagi saya, tiada apa untuk dilindungi. Kalau salah, kita akan perbetulkan dan kalau perlu tindakan selanjutnya, kita akan ambil. Itu janji kita dan kita komited ke arah itu."

"Insha Allah kebenaran dapat dibuktikan, namun bagi masa yang selengkapanya untuk disemak betul-betul bagi mengelak sebarang kekeliruan," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di sini semalam.

Sebelum ini timbul dakwaan kerja-kerja mengorek sehingga menjadi polemik dalam kalangan orang ramai terutama kebenaran permit sehingga timbul dakwaan

aktiviti itu menjadi penyebab kebocoran dan letupan paip gas.

Menurut Amirudin, pihaknya mahu siasatan menyeluruh dan pihak yang sewajarnya perlu bertanggungjawab sekiranya dakwaan itu benar.

"(Berkemungkinan) terima aduan kerja-kerja pengorekan itu semua akan dinilai pihak terbabit dan kita juga akan menilai adakah tindakan itu bersempitan atau tidak."

"Sebab itu, kerajaan Persekutuan hantar audit, kerajaan negeri juga benarkan audit masuk untuk lihat semua proses termasuk aduan yang dibangkitkan oleh penduduk," katanya.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan jumlah dan senarai kontraktor yang terlibat dalam pembinaan di kawasan kejiranan.

"Tiada peringat siasatan ini tidak bolehlah (dedah), takut nanti menimbulkan perkara yang tidak sewajarnya atau sebagainya."

"Kita tidak mahu

menghukum awal, tetapi kita akan siasat semuanya demi keadilan untuk semua."

"Kalau tidak, kita akan bertindak melulu sehingga tidak terkawal dan akhirnya tidak dapat melihat secara menyeluruh," katanya.

Tegasnya, beliau akan mengemukakan kepada semua pihak siasatan selepas ia dimuktamadkan kelak.



AMIRUDIN

“Kemasukan audit daripada kerajaan Persekutuan dan Selangor itu supaya kebenaran dapat dibuktikan dan disemak secara telus bagi mengelakkan kekeliruan.”

KOSMO

Tarikh: 06 APR 2025

Korek tanah sebelum meletup

KOSMO
5/4 ①

- Polis sahkan ada kerja pengorekan sebelum letupan
- Sebuah jengkaut terbenam dalam lubang kawah

SUBANG JAYA – Polis mengesahkan terdapat kerja-kerja pengorekan tanah sebelum kebakaran dan letupan di saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights di sini pada Selasa lalu yang mengakibatkan 125 orang cedera dan seorang dirawat di

unit rawatan rapi.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, siasatan awal mendapati kerja-kerja itu dilakukan untuk menggantikan paip kumbahan yang terletak kira-kira 30 meter dari pusat letupan.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

KOSMO

Tarikh: 05 APR 2025

Korek tanah sebelum meletup

DARI MUKA 1

Katanya, kontraktor dan pekerja yang ditugaskan telah mengukir dua jentera lalu menolak dan jangkit sebelum berhenti pada 30 Mac lalu.

Siasatan polis mengesahkan terdapat satu aktiviti korek tanah berlaku sebelum kejadian untuk mengukir palip jalan baharu. Kita telah mengenal pasti pemaju, kontraktor dan pekerja terlibat.

Salah satu jentera lalu jengkaut turut terbenam dalam lubang yang terhasil (eresebut). Kita sedang menjalankan siasatan lanjut adakah kerja-kerja pengorekan itu telah menyebabkan letupan yang amat besar (eresebut), katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Selasa lalu, Kosmo Online melaporkan letupan yang membentuk api 'cendawan' itu menjejaskan 529 penduduk daripada 118 keluarga dengan lebih 100 mangsa menerima rawatan di hospital.

Sejumlah 235



HUSSEIN (duduk, tengah) memberikan maklumat terkini kes kebakaran saluran paip gas pada sidang akhbar di Subang Jaya semalam.

premi termasuk rumah dan kedai terjejas dengan 87 unit musnah sepenuhnya, manakala 225 kenderaan pula rosak.

Menurut Hussein, siasatan dijalankan daripada dua aspek iaitu mengenal pasti punca letupan dan laporan komprehensif yang dilakukan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan Jabatan Kerja Raya.

Tambahnya, pihak polis juga

menyiasat sekiranya terdapat sebarang unsur jenayah berkaitan khianat dan kecurangan dengan membuat inkuiri bagi memanggil sesiapa sahaja untuk mendapatkan maklumat.

Di lokasi kejadian, terdapat tiga saluran paip gas di bawah tanah dan salah satunya telah meletup hingga mengakibatkan letupan besar pada 1 April lalu yang menghasilkan lubang mem-

punyai kedalaman lapan meter dan 70 meter lebar.

"Setakat ini polis telah merakamkan keterangan daripada 88 saksi terdiri daripada saksi kontraktor dan pekerja," katanya.

Ujar Hussein, pihaknya juga sedang mengumpulkan maklumat daripada seorang pengawal keselamatan yang berada di depan bangunan kedai yang melihat letupan itu di depan matanya. Dia kini dirawat kerana cedera.

"Pasukan penyiasat yang ditubuhkan dianggotai oleh pelbagai agensi memerlukan lebih masa lagi untuk mengenal pasti punca letupan," katanya.

Katanya, pihak berkuasa juga sedang berosat untuk menstabilkan tanah di kawasan letupan untuk menjalankan dasaran lanjut.

Jabatan Kerja Raya menganggarkan dua minggu masa yang diperlukan untuk mengahlikan laporan awal bersama agensi keselamatan dan dua minggu lagi

untuk laporan penuh, manakala Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menjalankan siasatan mengikut akta sedia ada," katanya.

Menurut Hussein, siasatan dimulakan pada hari kedua kejadian iaitu hari pertama ditumpukan kepada kerja-kerja mencari dan menyelamatkan.

"Letupan memberikan impak besar hingga menyebabkan landskap asal kawasan itu berubah dan tidak stabil. Siasatan lanjut kawasan letupan akan dilakukan selepas ia stabil," katanya.

Ujar Hussein, setakat ini tiada sebarang mayat ditemui selepas pihaknya memeriksa kawasan Sungai Klang dan rumah-rumah yang terkesan akibat letupan itu.

"Kita telah menjalankan pemeriksaan menggunakan anjing penapis, namun tidak menemui mayat sama ada di dalam rumah atau kawasan sekitar," katanya.



SEBUAH lubang besar terbentuk akibat letupan saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya semalam lalu.



Sedia 100 rumah sementara

- Separuh sewa ditanggung kerajaan negeri
- Kediaman menerusi skim Smart Sewa

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB,
ALANI NIZAM dan
ARINA MOHD. NOOR

SUBANG JAYA — Lebih 100 rumah sementara ditawarkan kepada mangsa insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights di sini memerus skim SMART Sewa Selangor.

Minister Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebahagian lokasi terletak di Kota Warisan, Sepang manakala selebihnya akan diumumkan kelak dengan sebahagian kadar sewa ditanggung kerajaan.

Menurutnya, rumah sementara itu akan disediakan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) selain turut mendapat kerjasama daripada pihak Airbnb.

"Fokus utama kami sekarang adalah mencari penempatan yang lebih selesa berbanding pusat pemindahan sementara (PPS), kerana ia hanya bersifat sementara."

"Kami akan berhubung dengan pihak-pihak berkaitan termasuk sektor swasta dan hotel bagi menempatkan mangsa secara lebih tersusun dan selesa," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Amirudin berkata, kesemua mangsa dijangka dapat memusuk rumah sementara yang ditawarkan berkenaan mulai minggu depan.



AMIRUDIN

"Sebahagian mangsa akan ditempatkan di Kota Warisan, Sepang manakala bakinya bakal mendiami rumah di beberapa kawasan yang akan dikenal pasti kemudian."

"Kita cuba menyediakan ru-

mah sementara di kawasan berhampiran, namun ia bergantung kepada ketersediaan dan jumlah unit rizab dalam pegangan kerajaan negeri," katanya.

Dalam pada itu, Amirudin turut menyerahkan kereta daripada syarikat automotif, Chery Malaysia kepada 25 mangsa kebakaran saluran paip gas.

Katanya, penyerahan tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif pinjaman kenderaan selama sebulan kepada mangsa yang terjejas, dengan kerjasama beberapa syarikat automotif.

"Sehingga pagi ini, sebanyak 112 permohonan telah diterima daripada individu yang ingin memintakan kenderaan, dengan tawaran sebanyak 200 buah kereta disediakan secara keseluruhan," katanya.

Kosmo/ pada Selasa lalu melaporkan, letupan disusuli kebakaran besar berlaku pada saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights di sini sehingga menyebabkan lebih 100 mangsa cedera, exoran insiden tidak terduga itu.

Kebakaran saluran paip gas sepanjang 500 meter malar-kira pukul 8.10 pagi itu menyakikan api menjulang sehingga setinggi 30 meter atau bersamaan bangunan 20 tingkat.

Insiden pada hari raya kedua itu menyebabkan ratusan penduduk yang mengalami kerosakan harta benda terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights dan Dewan Camelia, Majlis Bandaraya Subang Jaya.



ANTARA kenderaan dan kediaman di Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong yang rosak teruk akibat insiden kebakaran saluran paip gas yang berlaku pada Selasa lalu. — ISKANDAR ISHAQ

Lima lelaki Pakistan antara penyelamat tragedi letupan

PETALING JAYA — "Saya terdengar mangsa meraung dan menangis sambil mendukung anak mahu merentasi sungai kerana bahang api yang terlalu panas."

Demikian kata Jaafar Ali, 48, ketika berkongsi detik-detik cemas terdengar jeritan mangsa letupan dan kebakaran saluran gas di Kampung Tengah pada Selasa lalu.

30 individu cuba menyeberangi sungai tetapi hanya ri-

lah orang yang berjaya ke Kampung Seri Aman," katanya.

Jaafar adalah merupakan salah seorang daripada lima lelaki Pakistan yang tidak menyeberangi sungai untuk membanhi mangsa-mangsa letupan saluran gas di Putra Heights. Subang Jaya baru-baru ini.

Seorang lagi lelaki Pakistan tersebut, Amir Nawab, 48, berkata, dia dan rakannya terpaksa mengambil risiko bagi me-

nyelamatkan kanak-kanak yang beryang menyeberangi sungai tersebut.

"Saya beritahu mereka jangan turun ke sungai kerana bahaya, ini terlalu deras. Disebabkan dia memakai serban di kepala, kami ambil dan pegang antara satu sama lain lalu merentasi di tepi sungai untuk bantu menyeberangi sungai tersebut.

"Kita bergegas jadi kita mahu menolong dengan lühis. Kita

pun tidak mahu melihat orang (mangsa-mangsa) mati macam itu sahaja," katanya ketika dihubungi.

Menurut ruangan komen, terdapat beberapa ahli keluarga mangsa yang diselamatkan menceritakan dan memberi penghargaan kepada lima warga Pakistan tersebut.

"Abang saya sendiri jadi mangsa dan mereka ini yang menyelamatkan abang saya dan mak-

nya yang berusia 3 tahun," ujar @irwan_zulhazmi.

"Kawan saya dan keluarganya juga diselamatkan oleh mereka. Syukur sangat ada orang lain yang tolong mereka. Kawan saya trauma jika tiada sesiapa yang boleh bantu ketika itu," komen @hania_9520.

"Terima kasih banyak-banyak kerana menolong mangsa kebakaran saluran gas," ucap @han_9520.

KOSMO

05 APR 2025

Tarikh:

Penuntut IPT mangsa kebakaran dibenar tangguh pendaftaran

SUBANG JAYA — Penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas di Putra Heights di sini pada Selasa lalu diberi kelonggaran menangguhkan proses pendaftaran mereka yang dijadualkan pada Isnin ini.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir, penuntut yang menghadapi kesulitan akibat insiden tersebut tidak perlu hadir pada hari pendaftaran kerana diberikan tempoh pendaftaran tambahan.

"Saya telah memaklumkan kepada pihak universiti supaya memberikan sedikit ruang kepada pelajar yang terjejas untuk mendaftar," katanya ketika ditemui di Masjid Putra Heights di sini semalam.

Tambah beliau, Yayasan Siswa Perdana telah menghulurkan bantuan kewangan sebanyak RM2,000 kepada setiap penuntut yang terjejas bagi meringankan beban mereka.

"Seorang pelajar IPT ada memaklumkan kepada saya bahawa komputer riba miliknya musnah dalam kebakaran tersebut. Saya telah berjanji kepada beliau bahawa komputer tersebut akan digantikan," ujarnya.

Sementara itu, Zambry berkata, Kementerian telah mengerahkan pasukan bantuan perubatan, psikologi dan sukarelawan IPT bagi memberikan sokongan emosi dan psikologi kepada mangsa yang mengalami trauma, termasuk kanak-kanak.

"Bagi pihak KPT, kita merakunkan rasa sedih atau apa yang berlaku. Kita telah menghantar satu pasukan khas daripada Kementerian dengan segera."

"Pasukan pertama terdiri daripada pakar perubatan universiti yang mempunyai hospital, pengajar seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Pasukan kedua melihatkan pakar psikologi dan kaunselor. Bantuan ini juga dilakukan dengan kerjasama jabatan lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), ujarnya.

LZS salur RM500 kepada ketua keluarga

SHAH ALAM - Kesusahan dialami mangsa kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya dekat sini terus mendapat perhatian apabila bantuan segera sebanyak RM500 disalurkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bermula kelmari.

LZS memaklumkan bantuan itu diserahkan kepada setiap ketua keluarga Muslim yang terkesan dengan insiden itu bagi meringankan beban mereka.

Katanya, bantuan itu tidak terhad kepada asnaf fakir dan miskin yang berdaftar dengan LZS tetapi turut disalurkan kepada mangsa bukan asnaf yang turut terjejas dalam tragedi itu.

Sehubungan itu, LZS mengaktifkan portal khas bagi memudahkan mangsa membuat permohonan secara dalam talian bagi memastikan penyaluran bantuan berjalan lancar.

Setiap permohonan disertai



KEADAAN di pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights, Subang Jaya, semalam. **ANWARAZALI**

kan dengan laporan polis atau pengesahan daripada wakil pimpinan masyarakat melalui portal khas yang disediakan, katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelas LZS, permohonan boleh dilakukan di pautan <https://izapidul.zakatselangor.com.my/kebakaranpipetegas> mulai 2 sehingga 15 April depan.

Tambahnya, Iori Zakat Se-

langor Sana Sim (ZASSS) turut ditempatkan di Masjid Putra Heights bagi memudahkan mangsa insiden kebakaran mendapatkan bantuan secara langsung tanpa perlu hadir ke mana-mana cawangan LZS.

Jelasnya, bantuan susulan membantu mangsa bangkit semula pasca bencana turut disediakan termasuk baik pulih rumah, bina rumah dan sewa rumah bagi asnaf yang kehilangan tempat tinggal serta bantuan membeli-belah keperluan bagi mangsa bukan asnaf terjejas.

Mengulas lanjut, LZS berkolaborasi masyarakat turut berpeluang menyumbangkan zakat melalui CrowdZakat di pautan <https://crowdzakat.zakatselangor.com.my/portal-moh/campaign-dan-lis/kebakaranpipetegas> bagi menampung keperluan mendesak serta pemulihan jangka panjang mangsa tragedi.

'Suasana huru-hara, hanya fikir mati'

- Mangsa kebakaran cerita detik cemas hari kejadian
- Berlari sejauh 1 kilometer selamatkan diri

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - "Suasana ketika itu huru-hara, seperti berlari gempa bumi, saya hanya fikir mati ketika lari ke dalam hutan".

Demikian perkongsian salah seorang mangsa insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Puchong, pada Selasa lalu, Norshahirah Salleh, 30, ketika ditemui Kosmo di Hospital Putrajaya di sini semalam.

Menurut Norshahirah, ketika kejadian kira-kira pukul 8.30 pagi itu, dia sedang tidur dan berada seorang diri di rumah sebelum terdengar bunyi benda jatuh di atas bumbung dan terasa seolah-olah berlaku bencana seperti puting beliung.

"Bila terdengar jeritan jiran cakap ada api dan saya tidak fikir apa-apa serta terus lari keluar dan sempat membawa telefon serta capai tuala ganti tudung."

"Bahang api kebakaran itu sangat panas hingga belakang badan dan tangan saya melecur teruk," katanya.

Cerita wanita itu, dia berlari sejauh 1 kilometer dalam keadaan kaki melecur sebelum diselamatkan orang kampung.

Pada masa sama, Norshahirah bersyukur kerana suaminya, Mohd Ibrahim Haniff Saidin, 34, dan dua anaknya berusia 5 tahun dan 2 tahun masih berada di kampong di Kedah ketika kejadian.

"Kalau anak-anak ada bersama, saya tak dapat gambarkan bagaimana nak dukung bawa lari mereka," katanya.

Seorang lagi mangsa, Loo Yoke



ANTARA kediaman dari kenderaan di Taman Putra Harmoni yang musnah dalam kebakaran saluran paip gas pada Selasa lalu.

“

Saya tak fikir panjang, terus keluar rumah sehelai sepinggang. Saya risaukan keselamatan ibu dan bapa yang sudah tua. Mujurlah ada jiran-jiran membantu selamatkan kami."

YORK CHEN

Chen, 46, terus menyatakan atasan ketika itu seperti medan perang apabila baru-baru dan serpihan rumah terbang di kawasan rumah mereka.

Dua keluarga bernama anak Ashley Loo Ahn Ling, 17, serta ibu, Khoo Poh Linn, 77, dan bapa, Loo Pook Poh, 78, terus melaikan diri kerana rumahnya paling dekat

dengan kawasan letupan itu lalu rumah kedua dalam deretan kediaman di situ.

"Rumah bergegar ketika saya tengah tidur, ingat berlaku gempa bumi. Saya lihat melalui tingkap debu dan batu berterbangan."

"Saya tak fikir panjang, terus keluar rumah sehelai sepinggang. Saya risaukan keselamatan ibu



TANGKAP layar video tular kebakaran saluran paip gas seringgi 30 meter di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights pada Selasa lalu.

dan bapa yang sudah tua. Mujurlah ada jiran-jiran tombantu selamatkan kami."

"Belakang badan kami melecur

termasuk tangan dan kaki. Kami bingung selepas ini di mana nak tinggal. Tiada yang tinggal," katanya.

KOSMO

Tarikh: 05 APR 2025



KEBAKARAN saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya pada Selasa lalu, menyebabkan penduduk mengalami kerugian besar ekoran kemusnahan harta benda.



DZULKEFLY menyantuni mangsa kebakaran yang mendapat perlindungan di PPS Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights, Subang Jaya semalam.

Mangsa diberi penjagaan terbaik

- Proses rawatan di hospital, PPS dalam keadaan terkawal
- KKM pantau individu berpenyakit, tahap melecuk

SUBANG JAYA — Keperluan perubatan dan kesihatan mangsa kebakaran saluran paip gas di Putra Heights di sini yang kini berada di pusat pemindahan sementara (PPS) akan dipastikan

berada dalam keadaan optimum. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, berkata, langkah berkenaan diambil bagi memastikan mangsa yang dikenali pasti mempunyai penyakit sedia ada menerima penjagaan kesihatan yang terbaik sepanjang tempoh penempatan mereka.

"Saya mendapat penjagaan kesihatan ini tidak tergejala, dan kami juga menggunakan MySelahitera yang memberi maklumat secara segera berkaitan ubat yang diperlukan oleh mang-

sa-mangsa ini."

Selain itu, Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) memastikan sokongan emosi dan kestabilan mental mangsa dalam keadaan yang sejahtera.

"Ada pesakit yang mengalami tahap luka terbakar (burn) tahap kedua hingga ketiga, malah ada yang lebih teruk, namun mereka yang parah semuanya sedang dirawat dengan baik," katanya pada sidang akhbar di PPS Dewan Serbaguna Masjid Putra

Heights di sini semalam.

Sementara itu, Dr. Dzulkefly berkata, belum telah turun padang melawat mangsa di beberapa hospital termasuk Hospital Sungai Buloh, Hospital Selayang, Hospital Shah Alam dan Hospital Sultan Idris Shah (HSIS).

Katanya, hasil tinjauan itu mendapati semua hospital terbabit berada dalam keadaan yang amat terkawal dengan rawatan yang diberikan berjalan lancar.

"Setakat ini, hanya satu pesakit yang memerlukan rawatan

rapi (ICU) dan memerlukan bantuan intubasi serta alat ventilator. Selebihnya hanya memerlukan bantuan oksigen," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa operasi melibatkan pegawai perubatan di pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Putra Heights akan dilanjutkan dalam tempoh seminggu lagi.

"Kita akan terus beroperasi sehingga mungkin kurang lebih seminggu lagi dan kita lihat bagaimana harap-harapnya tidak ada yang lebih teruk daripada ini," ujarnya.

KOSMO

Tarikh: 05 APR 2025

100 komputer riba, 100 telefon pintar disediakan – Gobind



SEBAHAGIAN mangsa kebakaran saluran paip gas dibawa masuk untuk melihat keadaan rumah masing-masing semalam.

SUBANG JAYA – Kementerian Digital sedang mempeliti mekanisme terbaik bagi membantu mangsa kebakaran saluran paip gas di Putra Heights mendapatkan penggantian peranti elektronik yang rosak akibat insiden pada Selasa lalu.

Menterinya, Gobind Singh Deo berkata, penelitian itu bagi meningkatkan beban penduduk terjejas apabila peranti digital termasuk komputer riba dan telefon rosak akibat kebakaran itu.

"Ketika ini jauh di PPS (pusat pemindahan sementara), ramai penduduk memberitahu bahawa peranti elektronik mereka rosak

akibat insiden kebakaran itu.

"Jadi kita dalam proses untuk melihat bagaimana dapat menggantikan peranti-peranti tersebut," katanya di sini semalam.

Sementara itu dalam kenyataan berasingan, Gobind memberitahu, komenternya akan menyediakan 100 unit komputer riba, 100 unit tablet, dan 100 telefon pintar kepada mangsa yang memerlukan peranti tersebut.

Selain itu, sebanyak 500 powerbank turut disediakan.

Katanya, permohonan bagi peranti itu boleh dibuat mulai semalam melalui pusat khidmat wadai rakyat Kota Kemuning, 5

Preskaf.

"MyDigital Corporation, sebuah agensi di bawah Kementerian Digital, juga akan bekerjasama rapat dengan Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation (SIDEC) serta Pejabat Menteri Besar Selangor untuk menyediakan platform dalam talian bagi memastikan maklumat yang jelas dan pantas kini tepat pada masanya kepada mangsa-mangsa, ujarnya.

Untuk rekod, seramai 1,294 mangsa daripada 368 keluarga telah dikenal pasti dan berfaut dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

KOSMO

Tarikh: 05 APR 2025

Agong kurnia sumbangan peribadi RM308,000

SUBANG JAYA — Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkeinginan menyampaikan sumbangan peribadi berjumlah RM308,000 kepada 308 Ketua Isi Rumah (KIR) yang terjejas dalam insiden kebakaran paip gas di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Masjid Putra Heights, di sini semalam.

Sumbangan sebanyak RM1,000 kepada setiap ketua keluarga itu adalah menerusi Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ).

Seri Paduka Baginda yang diiringi Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah, Sultan Sharafuddin Idris Shah meluangkan masa menyantuni mangsa dan menzahirkan keprihatinan terhadap keluarga yang terjejas.



SULTAN IBRAHIM menyantuni mangsa kebakaran paip gas di PPS Masjid Putra Heights, Subang Jaya semalam.

Turut mengiringi Seri Paduka Baginda, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay.

Terdahulu, Sultan Ibrahim berkeinginan melawat Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) di Jalan Putra Harmoni.

Seri Paduka Baginda berangkat tiba di PKTK pada pukul 9.40 pagi dengan menaiki kereta jenis Proton Satria dan disambut Tengku Amir Shah.

Seri Paduka Baginda kemudian dipersembahkan taklimat mengenai insiden kebakaran itu selama hampir 30 minit oleh Ketua Polis Selangor, Datuk Husien Omar, sebelum berangkat

meninjau lokasi kejadian.

Sultan Ibrahim turut menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua petugas jabatan kerajaan dan agensi serta badan bukan kerajaan yang berganding bahu membantu mangsa-mangsa kebakaran tersebut.

Antara agensi terlibat adalah Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Kerja Raya dan pihak berkuasa tempatan.

Dalam kejadian pada pukul 8.10 pagi, Selasa lalu, berlaku kebakaran melibatkan saluran gas Petronas menyakikan api menjulang setinggi lebih 30 meter sehingga menjejaskan sebanyak 195 buah kediaman.

KOSMO

Tarikh: 06 APR 2025

Anak-anak tetap teruja ke sekolah

• Ibu bapa rapu kemudiannya pengangkutan dari PPS
• Kemudahan mesra manusia terhad

SUBANG JAYA - Segelintir ibu bapa yang juga mangsa kebakaran pada gas di Putra Heights di sini, meluahkan rasa bimbang sekiranya sesi persekolahan yang bermula esok selepas cuti selama seminggu sempena Aidilfitri akan diangguikan.

Seorang suri rumah, Siti Nadiyah Mohd. Nasir berkata, dia masih mencari alternatif untuk menghantar tiga anaknya ke sekolah esok selepas kenderaannya musnah dalam kebakaran pada Selasa lalu.

"Buku dan pakaian sekolah semuanya musnah terbakar, tetapi anak-anak saya teruja hendak ke sekolah. Motorikal dan kereta juga tidak boleh digunakan jadi bagaimana hendak hantar mereka ke sekolah?"

Sekiranya tiada pengangkutan, mungkin mereka (anak-anak) terpaksa ponteng selama beberapa hari," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Putra Heights di sini semalam.

PUTRA HEIGHTS BERGEJAR ADA AKTIVITI KOREK TANAH

"Kita boleh sahkan ada aktiviti dan kerja itu dihentikan pada 30 Mac lalu, tetapi adakah pengorekan itu (dilakukan) seberapa dalam, berapa jauh perlu disiasat"

Hussein Omar Khan

(dilakukan) seberapa dalam, berapa jauh perlu disiasat.

Selain itu, untuk mengesan pasti adakah aktiviti itu boleh menyebabkan letupan perlu disiasat lanjut,

katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Menurut Hussein, kerja mengorek kawah untuk siasatan terperinci merangkumi punca kejadian dan mengeluarkan jangkitan yang terbenam itu bermula 15 April ini yang dijangka mengambil masa dua minggu.

Sekarang ini, tiada penemuan mayat hasil pemeriksaan dan kami memerlukan masa untuk mengorek lubang kawah itu bagi mengetahui jika ada orang dalam jentera yang terbenam maut. Setelah itu kita boleh terima laporan orang hilang," katanya.

Katanya, pasukan teknikal di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Nege-

ri terdiri daripada agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Petronas dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

Sementara itu, mengenai dakwaan awam mendakwa berlaku aktiviti mengorek tanah pada Aidilfitri pertama, Hussein berkata, pihaknya mengambil tindakan perkara itu dan pihaknya dimaklumkan jangkitan di kawasan itu dikatakan dibawa keluar daripada kawasan berkenaan untuk kerja pembaikan sebelum kejadian berlaku.

(MBSJ)



MENTERI (di Jabatan Perdana Menteri) (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr Zalina Mustafa (kiri) menenangkan mangsa kebakaran saliran gas di Putra Heights, Iskandar Otinau ketika beliau menziarahi mangsa dalam kejadian itu yang kini menerima rawatan di Hospital Putrajaya, semalam.

KUALA LUMPUR

4M MBSU
F/4

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

SERAH 25 SUV SEMENTARA

Selaras 72 jam, semalam sebahagian dari pada mangsa insiden kebakaran saliran gas di Putra Heights, Subang Jaya mula menerima kenderaan untuk kegunaan sementara setelah kenderaan mereka musnah dalam insiden pada Selasa.

Syarikat automotif Chery Malaysia menyerahkan 25 kenderaan jenis kenderaan utiliti sukan (SUV) daripada 50 buah diuji sebelum ini, kepada 25 pemohon terawal berdasarkan prinsip 'siapa cepat dia dapat'.

Sesi penyerahan kenderaan berkenaan yang diadakan di pekarangan pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Putra Heights pagi ini, dihadiri Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari, Menteri Digital Gobind Singh Deo serta Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor Ng Sze Han.

Bukan itu sahaja, Chery Malaysia turut bersedekah memberikan duit miyok RM100 kepada pemohon kenderaan, selain turut menyumbangkan RM50,000 kepada pengurusan Masjid Putra Heights untuk membantu menampung kos utiliti sepanjang masjid ini dijadikan PPS.

Amirudin dalam sidang media di PPS turut memaklumkan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) bersetuju untuk tawar lebih 100 unit rumah sementara bagi mangsa kebakaran terlibat.

Beliau berkata sebahagian mangsa akan ditempatkan

INFO

25 pemohon terawal menerima kenderaan berdasarkan prinsip 'siapa cepat dia dapat'.

Chery Malaysia turut memberi duit miyok RM100, sumbang RM50,000 kepada pengurusan Masjid Putra Heights.

kan di Kota Warisan. Sepang manakala selebihnya di lokasi yang akan diumumkan kelak dengan menggunakan skema SMART Sewa Selangor.

Dalam pada itu, Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Co-opbank Pertama (CBP) semalam turut menyatakan komitmen untuk memberi sokongan dengan menawarkan bantuan bersesuaian dengan keperluan mangsa.

Setakat 8 pagi, seramai 779 mangsa daripada 97 keluarga masih berlindung di Dewan Masjid Putra Heights, melibatkan 270 dewasa, 37 warga emas, 113 kanak-kanak, enam bayi serta 18 orang kurang upaya (OKU).

Sementara itu, anggota polis dan penguat kuasa Majlis Bandaraya Subang

Jaya (MBSJ) masih mengawal ketat laluan masuk ke Jalan Putra Harmoni, Putra Heights dan hanya kakitangan agensi terlibat seperti Jabatan Pengaliran dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di benarkan memasuki kawasan itu.

Selain itu, mangsa kebakaran semalam sekali lagi dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing mengikut giliran untuk mengambil barangan keperluan serta dokumen penting, dengan dilindungi

anggota keselamatan.

Kelmarin, Amirudin berkata proses pemuliharaan kawasan terjejas dilaksanakan secara berperingkat, selepas pemeriksaan tahap keselamatan selesai.

Insiden kebakaran melibatkan saliran gas Petronas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights pada 8.10 pagi Selasa lepas, menyaksikan api menjulang tinggi dan menghasutkan bahang panas serta debu yang memusnahkan deretan kediaman selain harta benda termasuk lebih 300 kenderaan.

HM
S14

Tumpu unsur khianat, kecuaiian

Subang Jaya: Polis membuka satu kertas siasatan berhubung insiden kebakaran saluran gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya, Selasa lalu.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata, siasatan polis menumpukan unsur jenayah merangkumi dua kategori iaitu khianat dan kecuaiian manakala siasatan teknikal di kendali Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dan pihak lain.

"Kita akan panggil sesiapa sahaja yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat untuk mengetahui adakah berlaku sebarang unsur jenayah.

"Siasatan teknikal dijalankan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) manakala polis menjalankan siasatan selari mengikut Akta Polis bagi mengenal pasti sama ada

berlaku unsur khianat atau kecuaiian," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Hussein berkata, pihaknya merakam percakapan 56 saksi terdiri daripada mangsa, kontraktor dan pekerja.

Katanya, selain itu, seorang pengawal keselamatan yang berada 30 meter dari lokasi letupan ketika kejadian berlaku juga sudah dikenal pasti.

"Kita kenal pasti satu saksi di tempat kejadian iaitu pengawal keselamatan dan dia cedera. Kita sedang kumpul maklumat daripada saksi ini.

"Polis turut menerima 20 video kamera papan pemuka dan telefon pintar daripada orang awam. Separuh daripadanya sudah disemak dan membantu mengenal pasti beberapa saksi penting," katanya.

Kerajaan Pahang serah bantuan awal

Kuantan: Kerajaan Pahang menyerahkan sumbangan awal kepada seorang daripada mangsa kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya, Selangor yang merupakan anak kelahiran negeri ini bagi meredakan beban dihadapi.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata sumbangan diserahkan kepada Zurina Mohd Isa, 49, oleh pegawai Sekretariat Perantau Anak Pahang Syed Anas Syed Ali ketika melawatnya di pu-

sat pemindahan sementara (PPS) Dewan Masjid Putra Heights kelmarin.

"Semoga Puan Zurina dan keluarga berasal dari jangka 8 tabah menghadapi dugaan ini."

"Ini antara objektif utama kerajaan Pahang menubuhkan Sekretariat Perantau Anak Pahang agar kerajaan negeri dapat menyantuni anak-anak Pahang di perantauan supaya mereka tidak tersisih dan sentiasa diberi perhatian terutamanya jika dilanda musibah," katanya.

EON sedia 62 kereta percuma

Shah Alam: Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) menyediakan 62 kenderaan secara percuma untuk tempoh sebulan bagi kegunaan mangsa letupan saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, Selangor.

Ketua Pegawai Eksekutif EON, Akkbar Danial berkata, 40 kenderaan pula disediakan kepada keluarga yang kenderaannya musnah atau rosak teruk.

Katanya, kenderaan itu terdiri daripada kereta sedan, kenderaan utiliti sukan (SUV) dan kenderaan pelbagai guna (MPV) daripada jenama runcit EON iaitu Proton, Mitsubishi dan Volkswagen.

Katanya, kenderaan lain disediakan melalui anak syarikat sewa kereta EON, Avis Malaysia selain 22 unit pikap dan kenderaan elektrik (EV) untuk agensi dan organisasi kerajaan yang menghulurkan bantuan kepada mangsa.

"Banyak keluarga bukan saja kehilangan tempat tinggal, malah pengangkutan utama mereka akibat kebakaran.

"Sebagai antara pengedar kenderaan pelbagai jenama terbesar di negara ini, EON bersyukur kerana dapat memberikan mereka kelegaan segera dalam tempoh sukar ini," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

Layak raih pampasan

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

HM 514
Penduduk di Putra Heights yang terjejas dalam insiden kebakaran saluran paip gas layak secara undang-undang untuk menerima pampasan sewajarnya jika hasil siasatan rasmi membuktikan ia berpunca daripada kecuai atau pengingkaran undang-undang oleh mana-mana pihak berkaitan.

Peguam Dr Mahmud Jumaat berkata, pihak berkaitan sama ada Petroleum Nasional Berhad (Petronas), kontraktor, pemaju atau pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh dikenakan tindakan dan semuanya bergantung kepada siasatan pihak berkuasa.

"Dalam sistem undang-undang sivil Malaysia, apabila seseorang individu rugi atau cedera akibat kecuai pihak lain, mereka berhak menuntut ganti rugi melalui tindakan mahkamah. Ganti rugi bertujuan mengembalikan mangsa kepada kedudukan asal sebelum kerugian berlaku, sejauh mana boleh dilakukan dengan wang pampasan.

"Perkara ini ditegaskan dalam kes Highland Towers antara Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) melawan Steven Phoa Cheng Loon di mana Mahkamah Tinggi memutuskan mangsa yang terjejas akibat kegagalan pihak bertanggungjawab mengurus tanah bukit dan sistem saliran, layak mendapat ganti rugi kerana kecuai itu menyebabkan kerosakan hartanah, trauma psikologi, serta kehilangan tempat tinggal," katanya kepada Harian Metro.

Katanya, ganti rugi lain boleh dituntut termasuk kos membaiki rumah, perbelanjaan perubatan, kehilangan pendapatan dan semua-



MANGSA insiden kebakaran melibatkan kebocoran saluran paip gas, Muhammad Izzad Shahzuwan Sulaimi, 15, menunjukkan kesan lecur pada bahagian belakang badannya akibat bahang panas dari kebakaran tersebut ketika ditemui di Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong.

langan pendapatan dan trauma emosi serta yang penting pampasan itu tidak tertakluk kepada perlindungan insurans mangsa.

"Walaupun seseorang tiada perlindungan *special perils* dalam polisi insurans, mereka berhak menuntut pampasan daripada pihak ketiga yang cuai," katanya.

Selain itu, Mahmud berkata, jika terbukti berlaku pelanggaran statutori seperti di bawah Akta Bekalan Gas 1993 atau undang-undang keselamatan tempat kerja, kegagalan pihak seperti Petronas untuk mengambil langkah sewajarnya boleh dianggap bukti kukuh kecuai yang seterusnya melayakkan mangsa menuntut pampasan.

"Mangsa letupan paip gas boleh faikan tuntutan sivil berasaskan tort terutama tuntutan kecuai terhadap pihak bertanggungjawab. Dalam tuntutan kecuai, mangsa perlu buktikan elemen seperti kewujudan kewajipan berhati-hati, pelanggaran kewajipan itu, kerosakan disebab-

kan pelanggaran dan kerugian dialami tidak terlalu jauh hubungannya.

"Selain kecuai, mangsa boleh menimbangkan tindakan berasaskan pelanggaran tugas statutori di bawah undang-undang keselamatan berkaitan, contohnya, Akta Bekalan Gas 1993 menetapkan tanggungjawab ke atas pemegang lesen gas untuk memastikan pemasangan dan penyelenggaraan sistem gas adalah selamat (Seksyen 30) dan memperuntukkan penalti jika gagal mengambil langkah wajar menjaga keselamatan awam (Seksyen 32)," katanya.

Mahmud berkata, kegagalan mematuhi kewajipan statutori ini sebagai contoh, Petronas sebagai pemegang lesen boleh dijadikan asas tuntutan atau sekurang-kurangnya bukti kuat kecuai di mana mangsa terkesan boleh menuntut ganti rugi di mahkamah atas kerugian dialami.

"Di samping itu, mangsa boleh faikan tuntutan berdasarkan prinsip *liability* ketat, doktrin *liability*

ketat bermaksud bahawa pihak menjalankan aktiviti ultra-merbahaya boleh dipertanggungjawabkan secara automatik atas kerosakan terhasil walaupun tanpa bukti kecuai langsung. Dalam konteks ini, paip gas bertekanan tinggi dianggap bahan berbahaya, maka di bawah prinsip kes klasik *Rylands v Fletcher* (1868), sesiapa yang membawa bahan berbahaya ke premisnya bertanggungjawab secara langsung jika bahan itu 'terlepas' dan menyebabkan kerosakan.

"Oleh itu, mangsa boleh mendakwa letupan membatalkan tanggungjawab ketat, contohnya Petronas sebagai pembekal gas berisiko tinggi mungkin bertanggungjawab atas kerosakan akibat letupan walaupun segala langkah berjaga-jaga diambil sekalipun, bagaimanapun prinsip tanggungjawab ketat ini tertakluk kepada pengecualian seperti *act of God* atau tindakan pihak ketiga yang di luar kawalan defendan," katanya.

30 haiwan diselamatkan



Selamat seja: Kira-kira 20 hingga 30 haiwan peliharaan dan haiwan liar berjaya diselamatkan dalam insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights di sini.

Presiden Persatuan Haiwan Terbiat Malaysia (SAFM), R. Kalayanan berkata selain kucing, anjing dan ikan, terdapat juga dua ular serta hamster diselamatkan.

Katanya, SAFM diberi masa empat jam bersama pihak berkuasa masuk ke kawasan terjejas ketiga-tiga bagi menyelamatkan haiwan yang mungkin masih tertinggal.

"Tidak dinafikan mungkin ada haiwan mati termasuk akibat terbakar dan pencemaran air serta udara kesan kebakaran ini."

"Kami masih tunggu kebenaran seterusnya untuk masuk ke lokasi bagi meneruskan misi menyelamatkan haiwan."

"Kami bersama Persatuan

HBN
sib



PENDUAK membawa haiwan peliharaan yang diselamatkan.

Mencegah Kezaliman Terhadap Haiwan (SPCA) akan terus komited membantu menyelamatkan dan memberi rawatan terhadap haiwan yang terjejas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Kuil Sri Maha Kallamm di sini yang menjadi pusat rawatan sementara bagi haiwan yang terjejas.

Ketika ditanya cabaran dihadapi menyelamatkan haiwan terjejas, Kalayanan berkata, proses rumit menyukatkan pihak penyelamatan lebih banyak haiwan.

"Bagi tempoh empat jam, hanya dua pegawai dibenarkan masuk untuk sejam dan ada kakitangan lain pula masuk bagi jam seterusnya."

"Kita tidak boleh guna kenderaan sendiri. Namun kita akan terus patuh pada arahan pihak berkuasa," katanya.

PEN DUDUK Putra Harmoni membawa keluar haiwan peliharaan yang terselamat selepas pemeriksaan ke-
laman mereka. / Gambar NSTP/HAIRUL ANDAR RAHIM

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

'DALAM SUSAH KITA BERSATU'

Oleh Nur Alif Hazmi Saffian
am@hmetro.com.my

Selangor Jaya

1100
S14

"Tak kira bangsa atau agama apa, saya tetap bantu sesiapa sahaja yang memerlukan," kata sukarelawan, Shermira Farissa Ali, 24, yang membantu mangsa letupan saluran paip gas di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Masjid Putra Heights di sini.

Pelajar Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) berketurunan Cina-Melanau itu berkata dia terpenggal untuk menyertai misi bantuan selepas melihat bebahan di Instagram universiti.

"Saya memang tak kisah latar belakang kaum atau agama seseorang. Niat saya hanya mahu bantu mereka yang memerlukan," katanya yang membesar di Kuala Lumpur dan kini menetap di USJ.

Shermira juga kakum dengan semua orang yang terbuka kepada mangsa di PPS, meskipun pada awalnya ada sedikit kekeliruan disebabkan penampilannya.

"Saya gunakan Bahasa Melayu bila berkomunikasi dan mereka sangat menerima. Saya

MANGSA kejadian kebakaran saluran paip gas memilih pakaian didermakan orang ramai di PPS di Masjid Putra Heights, Subang Jaya.



"Saya gunakan Bahasa Melayu bila berkomunikasi dan mereka sangat menerima."

rasa itu yang istimewanya tentang rakyat Malaysia kerana dalam waktu susah, kita tetap saling membantu," katanya.

Seorang lagi sukarelawan, Eldrie Ong Wei Chuen, 21, juga tidak kekok berada dalam kalangan mangsa berbangsa Melayu wa-

laupun ini pengalaman pertamanya menyertai misi bantuan seperti itu.

Pelajar tahun pertama jurusan perubatan Unimas itu berkata, dia terdorong untuk menyertai selepas melihat bebahan menerusi WhatsApp dan Instagram kelab sukarelawan universiti.

"Walaupun saya Cina, saya tak pernah rasa janggal. Saya tinggal di Klang, jadi rasa bertanggungjawab nak turun bantu."

"Bagi saya, kalau ada sesiapa perlukan bantuan, tak kira bangsa, saya akan bantu," katanya.

Menurut Eldrie, sepanjang tiga hari membantu di PPS, dia dan rakan-rakan ditugaskan mengagihkan sumbangan barangan keperluan seperti pakaian dan makanan.

Tambahnya, insiden itu membuka mata ramai pihak bahawa semangat perpaduan masih utuh dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Saya lihat ada ramai juga dari kaum India dan Cina datang bantu. Malah, ada sukarelawan Cina

yang buat pertama kali masuk ke masjid kerana PPS diadakan di situ."

"Inilah Malaysia sebenar. Dalam kesusahan, kita tetap bersatu," katanya.



LPHS tawar 100 unit rumah sementara

HM 5/4

Kuala Lumpur: Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) bersetuju untuk menawarkan lebih 100 unit rumah sementara kepada mangsa kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya, Selangor, Selasa lepas.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata sebahagian lokasi terletak di Kota Warisan, Sepang manakala sebahagian lagi akan diumumkan kelak dengan menggunakan skim SMART Sewa Selangor.

"Kalau semua berjalan dengan baik dalam seminggu, dua minggu lagi mereka ini boleh ditempatkan di rumah SMART Sewa ini dan juga di Airhub yang lokasinya akan ditentukan kelak."

"Ini semua akan diumumkan selepas kita muktamadkan perjanjian dan kita akan bawa dalam mesyuarat jawatankuasa supaya kita boleh kurangkan tekanan kepada mangsa," katanya.

Selain itu, Amirudin

memaklumkan lebih ramai mangsa dijangka dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing bermula semalam.

Bellau berkata kumpulan kedua yang akan dibenarkan pulang itu membabitkan haki daripada 115 rumah yang dikenal pasti selamat untuk diduduki semula.

"Kumpulan kedua mangsa ini akan dibenarkan pulang ke kediaman mereka hari ini, selepas pihak berkuasa teknikal

mengesahkan kediaman mereka selamat untuk diduduki semula.

"Mereka hanya akan dibenarkan pulang selepas pihak berkuasa membuat sambungan semula perkhidmatan utiliti di lokasi ditetapkan," katanya.

Kebakaran melibatkan saluran gas Petronas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights pada 8.10 pagi Selasa lepas, secara keseluruhannya melibatkan 1,254 orang daripada 308 keluarga.

Teliti permintaan ganti alat digital rosak

HM 5/4

Kuala Lumpur: Kementerian Digital akan meneliti permintaan mangsa kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya, untuk penggantian peranti yang rosak dalam insiden pada Selasa lepas.

Menterinya Gobind Singh Deo berkata ketika lawatannya ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Masjid Putra Heights, ramai mangsa mengadu bahawa peralatan digital mereka seperti komputer riba, kelengkapan internet, telefon bimbit, dan sebagainya rosak akibat kebakaran itu.

"Jadi, kami akan meneliti permintaan mereka dalam masa dua hingga tiga hari ini dan saya akan membawa isu ini untuk dibincangkan di peringkat Kabinet," katanya kepada pemberita di Pos Kawalan Tempat Kejadian di Putra Harmoni semalam.

Beliau berkata buat masa ini, sebanyak 500 powerbank akan dibekalkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia

(MDEC) kepada mangsa kebakaran, terutamanya mereka yang ditempatkan di PPS tersebut.

"Ramai yang ditempatkan di PPS dan sebagainya boleh menggunakan powerbank tersebut untuk mengecas telefon dan sebagainya. Itu sebagai permulaan (bantuan)."

"Kami juga telah membuat permintaan untuk laptop dan telefon bimbit sebagai bantuan seterusnya," katanya.

Kebakaran yang melibatkan saluran gas Petronas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights pada 8.10 pagi Selasa lepas, secara keseluruhannya melibatkan 1,254 orang daripada 308 keluarga.

Sebanyak 87 rumah mengalami kerosakan teruk dan tidak boleh didiami, manakala 148 rumah lagi terjejas dengan kerosakan yang boleh dibaiki.

Setakat 8 pagi ini, seramai 379 mangsa daripada 97 keluarga masih berada di PPS Masjid Putra Heights.



MANGSA kebakaran saluran gas mengisi borang sebelum menerima kenderaan di PPS Masjid Putra Heights.

Kuala Lumpur: Kerja penilaian akhir keselamatan di kawasan kawah kebakaran dan letupan paip gas di Putra Heights, dijangka selesai hari ini.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Datuk Nor Hisyam Mohamad berkata, ia kemudian akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Selangor dan

Penilaian akhir keselamatan kawasan kawah kebakaran selesai hari ini

lain masa terdekat.

"Penilaian akhir ini hanya meliputi kawasan kawah kebakaran sahaja dan tidak termasuk kawasan infrastruktur terjejas. Kini, kami juga jalankan operasi penyedutan air di kawasan

kawah kebakaran kerana ada limpahan susulan hujan semalam," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin, Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata, lapo-

ran awal siasatan teknikal punca kebakaran dan letupan saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya pada Selasa lalu, dijangka dipertahankan dalam tempoh dua minggu.

Hussein berkata, impak

letupan besar itu menyebabkan struktur atau hardskap asal kawasan berkenaan berubah, menjadikan kawasan terjejas tidak stabil.

Kebakaran saluran gas Petronas pada jam 8.10 pagi Selasa lalu, menyaksikan

api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk dipadamkan sepenuhnya.

Sebanyak 87 rumah mengalami kerosakan teruk dan tidak boleh didiami, manakala 148 rumah lagi terjejas, serta mengalami kerosakan, tetapi boleh didiami selepas melalui proses pembaikan.

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

BANTUAN DUIT DISERAH ESOK

Oleh Hafidzal Hllini

Mohd Noor

hafidzal@metro.com.my

Selangor jaya

Penduduk Taman Putra Harmoni, Putra Heights di sini, diberi jaminan bahawa bantuan kewangan akan disalurkan esok seperti diumumkan sebelum ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari

memberitahu perkara itu kepada penduduk yang terjejas di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim di sini selepas sesi taklimat kepada Baginda di Pos Kawalan Terpadu Kejadian (PTTK), Polis Diraja Malaysia (PDRM) semalam.

"Kami akan salur esok, sekurang-sekurang nama kita dah kenal pasti, insya Allah selesai."

"Rumah kami dah kenal pasti 100 unit rumah, kalau

perlu, nanti Isnin (esok) kami beritahu untuk dapat penempatan sementara," katanya.

Beliau berkata, proses untuk mengganti dan membina rumah mungkin

mengambil masa dengan bergantung kepada tahap keselamatan di lokasi kejadian.

"Lepas itu kami akan gantikan atau bina rumah itu, ia mungkin mengambil

masa bergantung kepada tempat itu dan polis kena cakap (sahkan) selamat itu," katanya.

Terdahulu, sekumpulan 30 hingga 40 mangsa lokasi letupan saluran paip gas melambai dan menyapa Yang di-Pertuan Agong serta menyuarakan rasa kurang senang dan permohonan supaya bantuan segera dapat disalurkan kepada mereka sebelum Baginda menuju ke arah kumpulan

itu dan bertemu mereka.

Turut hadir, Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay dan Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khairi.

Khamis lalu, Amirudin dalam sidang media memaklumkan bantuan awal yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebanyak RM2,500 dan RM5,000 akan mula disalurkan esok.

"Rumah kami dah kenal pasti 100 unit rumah, kalau perlukan, nanti Isnin (esok) kami beritahu untuk dapat penempatan sementara"

Amirudin



KUMPULAN kedua 30 mangsa insiden Kebakaran saluran gas Putra Heights, Selangor Jaya, menenangkan keadaan untuk legungan sementara daripada syarikat penjualan kereta Gatto semalam.

130 kediaman disah selamat

Shah Alam: Sebanyak 130 unit rumah yang terbabat dengan tragedi letupan paip gas di Putra Heights, dekat sini, disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, 130 unit rumah itu daripada keseluruhan 235 kediaman yang dikenal pasti di Taman Putra Harmoni.

Bagaimanapun, katanya, penghuni di Kampung Sungai Baru belum boleh dibenarkan pulang kerana keadaannya masih belum selamat sebagaimana laporan bomba, Tenaga Nasional Berhad dan jabatan berkaitan.

"Saya mengingatkan bagi penduduk yang belum mendapat kebenaran untuk pulang, saya harapkan mereka tidak pulang ke rumah masing-masing kerana tiada jaminan keselamatan."

"Dan saya juga akan memperketatkan lagi kawalan kemasukan ini kerana di pihak polis, ada ke-

longgaran tertentu sahaja untuk membenarkan mereka mengambil dokumen penting dengan dilindungi pihak bomba di lokasi," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Amirudin berkata, sekiranya mereka masuk ke lokasi berkenaan tanpa kebenaran dan pengetahuan pihak berkuasa, dikhawatiri berlaku perkara tidak diingini.

Kalau mereka masuk sendiri tanpa melapor kepada komandan di lapangan, terutamanya ataupun kepada pegawai kita di lapangan, saya bimbang akan berlaku insiden yang tidak kita ingini.

"Ada laporan mereka yang ke rumah terpaksa mendapatkan rawatan balik di pusat pemindahan sementara kerana mengadu sesuatu yang kurang selesa setelah mereka pulang. Apabila disemak, itu di kawasan Kampung Sungai Baru ataupun Kampung Kuala Sungai Baru yang belum ada keputusan," katanya.



KEADAAN terkor rumah dan kenderaan di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Shah Alam yang terjejas akibat insiden kebakaran paip gas. - Gambar: NSTP/HAZREEN MOHAMAD

Syarikat hulur bantuan tunai

RAA 6/4

Subang Jaya Sebanyak 400 keluarga mangsa letupan saluran paip gas di Putra Heights di sini menerima bantuan wang tunai daripada syarikat swasta bagi meringankan beban mereka.

Berjaya Corporation Berjaya (BCorp) menyumbangkan sebanyak RM3,000 kepada 100 keluarga manakala syarikat peramu Matrix Concept Holdings Berhad (Matrix) menyalurkan RM3,000 ke-

pada 100 keluarga.

Selain itu, syarikat e-dagang kereta bersepadu, Carsons pula menaja 50 kereta untuk kegunaan mangsa kebakaran selama sebulan.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata, pihaknya begitu menghargai usaha beberapa syarikat swasta yang tampil untuk menyampaikan bantuan kepada mangsa kebakaran.

Memurutnya, usaha ini

menunjukkan bukan sahaja kerajaan, malah syarikat swasta dan pelbagai pihak tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa.

"Banyak syarikat korporat tampil ke depan bagi menyampaikan bantuan dan sumbangan. Ia menunjukkan apabila kita diimpa bencana dan kesudahan, semua pihak berganding bahu dengan pihak kerajaan untuk bersama membantu antara satu sama lain," katanya.

Kuala Lumpur Panasonic Malaysia Sdn Bhd memperuntukkan e-baucar bernilai RM120,000 sebanyak RM500 setiap satu kepada 240 keluarga yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas di Putra Heights baru-baru ini bagi membolehkan mereka membeli peralatan rumah baharu.

Syarikat itu menerusi satu kenyataan hari ini berkata sumbangan tersebut mencerminkan keprihatinan dan komitmen Panasonic membantu keluarga yang terjejas untuk

Panasonic peruntuk e-baucar RM120k

bangkit kembali dan membina semula kediaman mereka.

"Setiap isi rumah yang terkesan akan menerima e-baucar Club Panasonic bernilai RM500, yang boleh digunakan untuk membeli mana-mana produk Panasonic dan sah sehingga 31 Disember 2025.

"Ini memberi masa yang mencukupi kepada pene-

rina untuk memilih peralatan penting yang paling sesuai dengan keperluan mereka," katanya.

Panasonic Malaysia akan bekerjasama rapat dengan pejabat kerajaan negeri Selangor dan Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Ng Sze Han untuk menyeduk e-baucar kepada keluarga yang terjejas.

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

RW
6/4

200 SYARIKAT TERJEJAS

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kemua Kuantan

Insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya menjejaskan operasi kira-kira 200 syarikat industri di kawasan sekitar dan berisiko untuk diberhentikan operasinya. Presiden Persekutuan

Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) Tan Sri Soh Thian Lai berkata, meskipun bekalan gas dijangka pulih sepenuhnya pada 20 April ini, gangguan selama 20 hari itu memberi kesan kepada pengoperasian industri terbabit.

"Kebanyakan pengilang yang terjejas bergantung kepada bekalan gas yang stabil untuk pengoperasian pengeluaran."

"Namun, kini mereka berdepan risiko terpaksa

menghentikan operasi sekali gus mengalami kerugian dan gangguan besar dalam rantaian bekalan."

"Walaupun ada syarikat yang mempunyai pelan kecemasan, tetapi mereka turut terjejas kerana pembekal pula tidak mempunyai pelan seumpama itu," katanya.

kepada BH di sini, semalam.

Katanya, gangguan itu bukan sahaja menjejaskan operasi, malah boleh memberi kesan buruk kepada eksport, peluang pekerjaan dan keyakinan pelabur.

"Ini juga boleh melemahkan kekuatan industri di Lembah

Klang yang juga antara lokasi penting kepada banyak syarikat besar ter-

masuk dari luar negara," katanya.

Dalam pada itu, Thian Lai berkata, meskipun kerja pembaikan saluran paip gas sedang dijalankan, pihak industri turut bersama mencari alternatif lain bagi menyelesaikan masalah bekalan gas buat sementara waktu.

"Antaranya termasuklah menggunakan gas asli cecair (LNG) yang dibawa dengan lori tangki. Pihak industri berharap pihak ber-

kuasa dapat membantu dan meluluskan pengaturai ini dengan segera kerana ia menimbulkan situasi kecemasan."

"FMM bersedia untuk bekerjasama dengan semua pihak berkaitan bagi menyelesaikan masalah ini secepat mungkin," katanya.

Katanya, pada masa sama pihak FMM turut meluahkan rasa simpati kepada komuniti sekitar yang terjejas dalam insiden berkenaan.

Bekalan gas dijangka pulih sepenuhnya pada 20 April ini

220 kediaman disahkan selamat

Subang Jaya: Sebanyak 220 rumah daripada 439 rumah penduduk yang terjejas insiden kebakaran saluran gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, di sini, Selasa lalu, disahkan selamat.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata, ia hasil penilaian kali kedua yang lebih terperinci dilakukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dengan radius yang lebih besar iaitu 325 meter (m) berbanding sebelum ini 280m.

"Hasil penilaian ini, JBPM mengesahkan, daripada 439 rumah yang dinilai dalam radius berkenaan, 220 kediaman adalah selamat iaitu tidak terjejas.

"Rumah yang terjejas pula berjumlah 219 unit. Daripada jumlah ini, 87 mengalami kerosakan melebihi 20 peratus iaitu kerosakan besar dan 132 mengalami kerosakan kecil iaitu kurang daripada 20 peratus," katanya pada sidang media di Pos Kawasan Tempat Kejadian



HW

714

Rumah yang terjejas pula berjumlah 219 unit. Daripada jumlah yang terjejas ini, 87 mengalami kerosakan melebihi 20 peratus"

Hussein

(PKTK), semalam.

Hussein berkata, bagi rumah yang mengalami kerosakan di bawah 20 peratus, ia dibenarkan dibai-ki oleh penghuni atau tuan rumah bermula semalam, dan senarai rumah berkenaan akan diedarkan serta dimaklumkan kepada penduduk.

"Sehingga kini, 130 rumah sudah boleh diduduki semula dengan 45 pemilik rumah sudah kembali berpindah.

"Bagi Kampung Kuala Sungai Baru, 24 rumah boleh diduduki. Oleh itu, jumlah keseluruhan kediaman yang boleh diduduki adalah 154 unit," katanya.

Tiada gangguan nyata pada salur paip

Selangor Jaya: Polis mendapati keadaan fizikal paip dalam insiden kebakaran saluran gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights di sini pada Selasa lalu tidak menunjukkan sebarang gangguan yang nyata.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata, pihaknya sudah menggali semula laluan paip kumbahan yang dipasang oleh sebuah syarikat kontraktor untuk siasatan dan mendapati paip itu dipasang pada kedalaman 2.1 meter (m) daripada aras jalan sedia ada.

Kata beliau, pihaknya mendapati kerja korekan yang dibuat oleh pihak kontraktor itu tidak melebihi tiga meter sepanjang jalan terbabit dengan lebar korekan adalah 1.5



meter.

"Kerja korekan dan pemasangan itu sudah dilakukan sepanjang lebih kurang 30 meter dan dipercayai akan disambung lagi. Jalan yang merentasi laluan paip gas Petronas ini adalah jalan yang diluluskan.

"Kerja galian dilakukan



Kerja galian dilakukan tiga jentera pengorek, sebuah jentolak dan sebuah jentera pengorek kaut sedang diteruskan untuk membuka kawasan"

Hussein

tiga jentera pengorek, sebuah jentolak dan sebuah jentera pengorek kaut sedang diteruskan untuk membuka kawasan dan meninjau kedudukan paip Petronas yang dipercayai berada di kedalaman antara enam hingga tujuh meter," katanya pada sidang media di Pos Kawa-

lan Tempat Kejadian (PKTK) di sini, semalam.

Beliau berkata, polis mendapati paip gas berkenaan berada pada kedalaman 5.6 meter daripada aras jalan dengan jarak antara paip kumbahan dan paip gas adalah 1.6 meter.

"Keadaan fizikal paip itu tidak menunjukkan sebarang gangguan yang nyata.

"Kerja galian itu dilakukan dan dipantau oleh polis bersama dengan Petronas, Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem).

"Selain itu, ia turut melibatkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Air Selangor dan pihak kontraktor," katanya.

Sialang Juru

Suramai 55 pegawai penyiasat kebakaran yang dibawa dari Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor kini sedang menjalankan penilaian akhir di kawasan terjejas akibat kebakaran paip gas di Taman Putra Harmoni, Putra Heights, di sini.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Nor Hisham Mohammad berkata, semua pegawai berkenaan adalah anggota Unit Penyelidikan Kebakaran yang berkemahiran.

"Kita juga perahkan kepada dua pasukan utama iaitu satu fokus kepada anggaran kerugian dan satu lagi kepada aspek teknikal."

Pasukan teknikal JBPM ini turut bekerjasama rapat dengan agensi berkaitan bagi menjalankan pemeriksaan sistem serta mengenal pasti sebarang kerosakan teknikal yang mungkin menjadi punca kejadian," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Mengulas perkembangan terkini, Nor Hisham memaklumkan, JBPM kini berada di fasa akhir proses penilaian keselamatan, dengan kompilasi maklumat dijangka siap dan diserahkan kepadanya sekitar jam 4 petang (semalam).

Setakat ini, laporan akhir masih dalam proses



"Laporan akhir masih dalam proses kompilasi. Kami akan bentangkan hasil penilaian kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan direktorkanalkan."

Hafidzul Hilmi
Harian Metro

KEADAMAN kenderaan yang musnah dalam kejadian kebakaran paip gas pada Selasa lalu di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights.

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

Buat penilaian akhir aspek rugi, teknikal

kompilasi. Kami akan bentangkan hasil penilaian kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan diumumkan."

"Kami luhah tekanan yang dihadapi penduduk justeru kami tidak mahu mengganggu mereka sebelum semua aspek keselamatan disahkan," katanya. Beliau

memaklumkan bahawa sebarang pengumuman rasmi mengenai penilaian akhir hanya akan dibuat selepas laporan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri.

"Segala sokongan teknikal dan laporan telah siap, namun pengumuman bukan di bawah bidang kuasa JBPM. Ia perlu melalui jawatankuasa terlebih dahulu," katanya.

JBPM kini berada di fasa akhir proses penilaian Keselamatan

Selangor, Jaya "Tolong jangan tolong tengok rumah ni, ada orang di dalam," itu jeritan yang masih terdengar-ngebang di telinga pegawai bomba ketika tiba di lokasi kebakaran dalam gas di Petra Heights di sini pada April lalu.

Menceritakan pengalamannya itu, Pegawai Pejabat Zon 2 Selangor, Penolong Penguasa Bomba Muzdhan Haiza Muhammad berkata, dia bersama pasukan tiba di lokasi kejadian jam 8.40 pagi selepas menerima panggilan kecemasan jam 5.10 pagi.

"Ketika saya tiba, Pusat Kawalan Bomba dan agensi lain belum tiba, hanya ada anggota dari Petronas serta dari Balai Bomba Pasir Chong dan Balai Bomba

'Mangsa berlari hingga tapak kaki melecur melekat di lantai'

Seribu orang Jaja

Seasian sangat hot itu hari, pokok dan rumah masiti terbakar ada mangsa merangkak keluar dalam keadaan kesa kitin. Keadaan itu membuatkan saya sangat terkejut. Saya lah-otah kami berada di medan perang. Kita tau ada di Pok Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) di sini senjuman.

Muzdhan berkata, dia cuba menenangkan semua

mangsa di lokasi kejadian dan mengarahkan hanya dia pegawai bomba wanita di lokasi kejadian.

"Ada mangsa tidak mahu keluar dari rumah ketika api marak kerana cuba menyelamatkan harta benda."

Tapi saya beritahu mereka bahawa terdapat panas dan api boleh marak serta terbakar bila-bila masa," katanya.

Menurutnya, ketika kejadian juga ada suami isteri

yang tidak mengosongkan kediaman, berikutan mengalami kebingungan semasa lampau (anxiety).

"Ketika itu suatunya cuba pujuk untuk keluar namun dia enggan. Apabila api semakin marak dan ia ba panas semakin terasa, barulah dia berlari keluar tanpa memikirkan keadaan di luar dan akibatnya kesusua dan tapak kakinya melecur teruk sehingga melekat pada lantai."

Emosi saya ketika itu beresempur baur. Saya terangkan, kalau ini berlaku kepada keluarga kita sendiri, bagaimana perasaan kita? Maka saya cuba pujuk

mereka senlah-otah mereka keluarga saya," katanya. Muzdhan berkata, dia dan pasukan menyelamatkan 31 mangsa dari kawasan perumahan Taman Petra Harmoni.

Kami keluarga mereka mengikut prosedur penyelamatan bomba. Kebetulan masuk ke dalam kawasan panas itu bukan datang dari paksaan, ia lahir dari dalam diri ketika semua orang berlari keluar, kami pula masuk ke dalam.

"Slapa lagi yang akan selamatkan mangsa kalau bukan kami? Ini bukan soal paksaan, tetapi soal tanggungjawab, berurusan dan menyelamatkan." katanya.



"Saya bayangkan, kalau ini berlaku kepada keluarga kita, bagaimana perasaan kita?"

Haiza

Harga rumah jatuh 20 peratus

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri
kartika@mediaspr
ma.com.my

Kuala Lumpur

Insiden letupan dari ke-
bakaran saluran paip
gas bawah tanah yang
mengemparkan negara
pada 1 April lalu bukan saja
meningkatkan kesan fizikal
dan emosi kepada pendu-
duki, malah turut memberi
impak langsung terhadap
pasar hartanah kawasan
terbabit.

Pakar Hartanah, Prof. Dr.
Noor Rosly Haniff ber-
kata, insiden yang memus-
nahkan hampir 200 rumah
ini dijangka menyebabkan
kejatutan nilai hartanah
secara signifikan, terutama
di kawasan paling hampir
dengan pusat kebakaran.

Profesor Program Pe-
riman dan Pengurusan
Harta, Alam Bina Univer-
siti Teknologi Sarawak
(UTS) itu berkata, kejatu-
han nilai hartanah sekitar
Putra Heights dijangka an-
tara lima hingga 20 per-
atus, bergantung kepada ja-
rak dari pusat letupan ber-
laku.

Rumah paling hampir
dengan saluran gas ber-
isiko mengalami kejatuhan
nilai sehingga 20 peratus,
manakala kawasan lain da-
lam Putra Heights mung-
kin sekitar lima peratus.

Manakala kesan terbe-
sar berlaku di kawasan
'ground zero' atau radius
terdekat daripada titik le-



KEJATUTAN nilai hartanah secara signifikan menubuhkan syorunya di kawasan paling hampir
dengan pusat kebakaran. - Gambar: NSTP/ATZ/DON SAAJ

"Kerugian dianggarkan
berjumlah RM450,000
hingga RM600,000 itu ak-
ibat struktur berkenaan ter-
bakar dengan suhu tinggi.

Oleh itu, semua talian
utiliti rosak dan perlu
diganti pada masa sama,
struktur kediaman perlu
diroboh dan dibina semula
kerana struktur sedia ada
tidak dijamin selamat.

Malah, kos membina se-
mula rumah mengikut
standard reka bentuk asal
dianggarkan RM100,000
seunit," katanya.

Katanya, selain hartanah,
mengambil kira kerugian
bagi barang elektrik seperti
televyen, peti sejuk, me-
sin basuh semua dianggarkan
berharga tidak kurang
RM100,000 setiap rumah.

Katanya, bagi kenderaan
yang rosak dan dikatego-
rkan sebagai musnah se-
lain yang boleh dibaik pulih,
purata kerugian bagi se-
tiap rumah, dengan dua an-
dolan dua kereta bagi setiap
kediaman ialah kira-kira
RM150,000.

Kita perlu ingatkan ki-
ra penduduk terpaksa ber-
pindah dan menyewa di
tempat lain sehingga ru-
mah siap untuk diduduki.

Untuk itu, kos bagi se-
tiap keluarga menyewa se-
buah rumah yang 'fully fur-
nished' ialah RM3,000 se-
bulan dan mereka perlu se-
wa sekurang-kurangnya
bagi tempoh dua tahun,
termasuk bayaran deposit
dan sebagainya, ia bermu-
lah RM100,000 bagi se-
buah keluarga," katanya.

tupan. Harga hartanah
tingkat harga bernilai
harga tanah, kerana bang-
unannya hampir musnah
keseluruhan akibat kemus-
nahan struktur dan haba
elektromagnetik," katanya.

Menurut Noor Rosly, jika
sebelum tragedi, harga pa-
sarai hartanah di kawasan
terbabit dianggarkan anta-
ra RM700,000 hingga
RM900,000 seunit bagi lot
standard.

Kini, selepas tragedi, ia
bernilai antara RM450,000
hingga RM600,000, iaitu
nilai tapak bangunan di-
haja.

Kerja pengorekan dapat permit MBSJ, PETRONAS

BH
7/4
(MBSJ)

Subang Jaya: Kerja pengorekan tanah berhampiran lokasi insiden letupan paip gas bawah tanah di Putra Heights, mendapat permit yang sah daripada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan PETRONAS.

Selain itu, kerja yang dilakukan di kawasan berkenaan juga mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Datuk Bandar Subang Jaya, Datuk Amirul Azizan Abd Rahim, yang mengesahkan perkara itu,

berkata sebelum ini pihaknya menerima laporan penduduk sekitar yang mendakwa terdapat kerja pengorekan di lokasi kejadian.

"Aduan diterima daripada Sistem Pengurusan Aduan dan hasil siasatan MBSJ juga telah dimaklumkan kepada pengadu.

"MBSJ sudah melakukan siasatan di lokasi kerja mengorek berkenaan dijalankan dan siasatan mendapati kerja itu memiliki permit daripada MBSJ dan PETRONAS, selain mematuhi

prosedur (SOP) ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) insiden letupan paip gas PETRONAS di Putra Heights, di sini semalam.

Sebelum ini, terdapat laporan mengenai beberapa penduduk di Putra Heights menyuarakan kebimbangan mereka mengenai aktiviti pengorekan tanah di lokasi berhampiran insiden letupan paip gas bawah tanah.

Letupan paip gas di Putra Heights

Operasi fokus sedut air bertakung di kawasan kawah kebakaran

04 3/4

Langkah bolehkan kerja penilaian keselamatan disambung semula

Kuala Lumpur: Menjadikan air yang bertakung di kawasan kawah kebakaran dan letupan paip gas di Putra Heights, Subang Jaya sebagai angin tobat, kini menjadi fokus utama operasi yang memusnahkan huri kemarahan, keselamatan.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat, berkata operasi ini bagi membolehkan kerja penilaian keselamatan disambung semula.

"Kita masih tumpukan kawah kebakaran untuk pagi ini sebab banyak air yang perlu disedut keluar sebelum boleh menyambung semula kerja penilaian seperti biasa," katanya.

Kelmarin, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Nor Hidayat Mohamad, berkata kerja penilaian akhir keselamatan di kawasan kawah itu dijangka selesai malam ini.

Nor Hidayat berkata, ia kemudian akan dibentangkan kepada

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Selangor dalam masa terdekat.

Penilaian akhir itu hanya memfokuskan kawasan kawah kebakaran saja dan tidak termasuk kawasan infrastruktur terjejas.

Letupan paip gas PETRONAS

Kebakaran saluran gas PETRONAS pada jam 8.10 pagi Selasa ini menyaksikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk dipadamkan sepenuhnya.

Sekurang 146 rumah terjejas dan rosak, tetapi boleh dihilmi selepas melalui proses pembalakan, manakala 57 lagi rumah rosak teruk dan tidak boleh dihilmi.

Setakat kelmarin, seramai 509 keluarga mendaftar di pusat pemindahan sementara (PPS) dengan sebahagian mangsa tidak tinggal di situ dan jumlah itu dijangka bertambah manakala terdapat segelintir penghuni berada di luar kawasan ketika kejadian itu.

Mereka yang belum mendaftar di PPS juga dinasihatkan berbuat demikian bagi mengelak terjejas daripada menerima bantuan dan pendaftarannya ditutup pada tengah hari semalam.

BERNAMA



Pasukan melakukan operasi dan penilaian di kawasan kawah kebakaran dan letupan paip gas di Jalan Putra Hormon, Putra Heights, Subang Jaya. (R&O BERNAMA)

BERITA HARIAN

Tarikh: 07 APR 2025

Rejim pengurusan risiko ketat jaminan keselamatan paip gas

Insiden letupan gas di Putra Heights seharusnya menjadi pengajaran bernilai bagi industri penghantaran gas di Malaysia

Pendekatan pengurusan risiko lebih menyeluruh dan pematuhan kepada piawaian keselamatan antarabangsa perlu dijadikan keutamaan



Othman Timothy Edward
(Pengurusan Risiko)
Pegawai Pengurusan
& Pemantauan
Universiti Teknologi
MARAH Johor

Othman Timothy Edward
hthienana@bhi.com.my

Kejadian letupan gas di Putra Heights baru-baru ini menimbulkan persoalan serius mengenai aspek pengurusan risiko dalam industri penghantaran gas di Malaysia.

Analisis kritikal terhadap pengurusan risiko diumumkan ketika perlu dilaksanakan bagi memperbaiki standard keselamatan sedia ada.

Pengurusan risiko dalam penghantaran gas merangkumi proses mengenal pasti, menilai, mengawal dan memantau risiko yang boleh memberi kesan keselamatan operasi.

Keselamatan dalam industri ini memerlukan pendekatan komprehensif meliputi pelbagai aspek seperti teknologi, prosedur operasi standard (SOP), penyelenggaraan dan pematuhan kepada piawaian keselamatan.

Dalam konteks penghantaran gas, risiko utama perlu dikenal pasti, termasuk kebocoran paip disebabkan kerosakan struktur atau penyelenggaraan tidak memadai, kerosakan akibat kerja pembinaan berdekatan, kegagalan injap atau komponen mekanikal penting serta kesalahan manusia mengendalikan peralatan.

Pentiliran risiko perlu dilaksanakan dengan mengambil kira kebarangkalian berlakunya insiden serta impak yang mungkin terencos daripadanya.

Analisis risiko kuantitatif dan kualitatif sering digunakan untuk mengenal pasti risiko berpotensi tinggi. Bagaimanapun, ketidakpastian dalam beberapa parameter risiko menjadikan pentiliran ini kompleks dan memerlukan ketelitian mendalam.

Pengawasan risiko adalah langkah penting bertujuan mengurangkan kebarangkalian berlaku risiko atau mengurangkan kesan jika risiko itu berlaku.

Antara strategi pengawasan risiko perlu diberi perhatian dalam penghantaran gas adalah penggunaan teknologi pengesanan kebocoran membolehkan pengimbas ultrasonik dan sistem pemantauan tekanan masa nyata yang mampu mengesan kebocoran pada peringkat awal. Teknologi ini perlu ditingkatkan dari segi kecekapan dan ketepatan.

Selain itu, pemasangan injap keselamatan automatik yang mampu bertindak secara automatik apabila berlaku perubahan tekanan abnormal adalah penting bagi mengawal aliran gas dengan segera.

Tambahan pula, penyelenggaraan berkala membolehkan pemeriksaan rutin dan penyelenggaraan menyeluruh perlu dilakukan bagi memastikan paip gas sentiasa dalam keadaan baik.

Proses pengurusan risiko ini perlu disokong dengan sistem pemantauan berterusan supaya setiap risiko dapat dikesan sebelum ia menjadi kritikal.

Pematuhan kepada piawaian keselamatan antarabangsa satu lagi aspek penting dalam pengurusan risiko.

Piawaian seperti ISO 31000 untuk pengurusan risiko dan berpandukan kod keselamatan ditetapkan Pertubuhan Kejuruteraan Mekanikal Amerika (ASME), iaitu ASME B31.8 untuk reka bentuk dan pembinaan saliran gas, perlu dijadikan rujukan utama.

Di Malaysia, piawaian keselamatan perlu dipergiat dengan mengambil kira situasi tempatan serta risiko unik dihadapi industri gas negara ini.

Analisis kritikal terhadap pengurusan risiko dalam insiden di Putra Heights menunjukkan terdapat be-

berapa kelemahan yang perlu diperbaiki.

Antaranya, kekurangan dalam penggunaan teknologi pengesanan kebocoran canggih menyebabkan kebocoran tidak dapat dikesan lebih awal.

Rangka kerja pengurusan risiko tidak menyeluruh, terutama dari segi pemantauan berterusan dan penyelenggaraan tidak konsisten serta ketidadaan pematuhan ketat terhadap piawaian keselamatan antarabangsa mungkin menyumbang kepada insiden ini.

Bagi memastikan insiden seperti di Putra Heights tidak berulang, beberapa cadangan perlu dipertimbangkan seperti penggunaan teknologi lebih cecap dan senaliti bagi meningkatkan kemampuan pengesanan kebocoran.

Pertegasan pematuhan piawaian antarabangsa

Selain itu, pematuhan kepada piawaian antarabangsa perlu diperkukuhkan melalui penggunaan rangka kerja pengurusan risiko lebih komprehensif dan selaras dengan standard keselamatan diiktiraf di peringkat global.

Latihan keselamatan perlu diberikan kepada pekerja dan pihak terlibat dalam operasi penghantaran gas secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran dan kemahiran mereka dalam mengurus risiko.

Pemantauan dan kajian semula lebih menyeluruh perlu dilakukan untuk memastikan setiap langkah diambil dapat diteliti kecekapannya serta diubah baik di mana perlu.

Dari segi pengurusan risiko, bagi memastikan keselamatan sistem, paip gas perlu direka dan dibina dengan ciri-ciri tertentu yang mampu mengurangkan risiko kebocoran dan letupan.

Antara ciri-tetapan paip gas yang ideal (adalah seperti berikut):

• Bahan berkualiti tinggi

Paip gas mesti diperbuat daripada bahan tahan terhadap tekanan tinggi dan kakisan. Biasanya, paip logam seperti keluli tahan karat atau paip polietilena berketumpatan tinggi (HDPE) digunakan untuk penghantaran gas.

• Reka bentuk struktur yang kukuh - Paip perlu direka dengan kelebihan yang mencukupi bagi menahan tekanan gas di dalamnya. Selain itu, reka bentuk paip perlu menambuli kira kemungkinan impak luaran seperti gempa bumi atau kerja-kerja pembinaan yang berdekatan.

• Sistem pengesan kebocoran canggih - Penggunaan teknologi pengesanan kebocoran terkini seperti pengesanan ultrasonik dan pemantauan tekanan secara masa nyata boleh membantu mengesan kebocoran dengan cepat dan tepat.

• Injap keselamatan automatik - Injap keselamatan berfungsi secara automatik untuk menutup aliran gas apabila terdapat perubahan tekanan abnormal, adalah penting bagi mengurangkan risiko letupan.

• Pemantauan dan penyelenggaraan yang tepat - Teknik pemantauan yang betul dan penyelenggaraan konsisten adalah aspek kritikal dalam memastikan keselamatan operasi paip gas.

Insiden letupan gas di Putra Heights seharusnya menjadi pengajaran bernilai bagi industri penghantaran gas di Malaysia. Pendekatan pengurusan risiko lebih menyeluruh dan pematuhan kepada piawaian keselamatan antarabangsa perlu dijadikan keutamaan.

Dalam menghadapi risiko yang sentiasa berubah, pendekatan proaktif dan preventif amat diperlukan bagi memastikan keselamatan awam terpelihar. Manakala pembekal industri dapat diberikan insentif selamat.





Amirudin pada sidang media perkembangan terkini insiden letupan paip gas di Putra Heights di Shah Alam, hari ini.

Kerajaan Selangor jamin siasatan telus

Tindakan diambil tanpa melindungi mana-mana pihak, tiada pilih kasih dalam agihan bantuan

Oleh Huwaida Md Zain
huwaida@bh.com.my

Shah Alam: Siasatan insiden letupan paip gas di Putra Heights dijamin dilaksanakan dengan telus dan tidak akan melindungi mana-mana pihak.

Jaminan diberikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, selepas salah faham sesetengah pihak terhadap kenyataannya sebelum ini.

"Pada hari pertama kejadian, saya hantar makluman kepada semua bahawa kenyataan itu sedikit sebanyak disalah faham oleh sesetengah pihak."

"Ini kerana, sememangnya daripada perincian ringkas saya dengan Ketua Polis Selangor (Datuk Hussein Omar Khan) sebagai ketua penyiasat, kita memang menjangkakan ada pengkail yang terbunuh di kawasan terbabit."

"Tidak timbul isu saya cuba melindungi aktiviti atau melindungi sesiapa. Ada sesetengah pihak di laman sosial terutama yang mempertikaikan kedudukan dan polis. Menteri Besar dalam masalah ini ini," katanya pada sidang media di sini semalam.

Amirudin menjelaskan, satu

kor. ini pasukan audit daripada kerajaan persekutuan dan negeri sudah digambarkan ke Koridor Utami Selangor (KUSel) dan Majlis Baudraya Subang Jaya (MBSJ).

Katanya, ia susulan dakwaan bahawa kerajaan bertakut dari pada kedua-dua pihak terbabit, sekali gus mengakibatkan insiden berkecam.

"Saya hendak maklumkan, mulai hari kedua lagi, audit sudah masuk ke dua jabatan itu, KUSel dan juga MBSJ dan mereka membenarkan untuk melihat apakah proses proses kebenaran dan jaminan mengikut aturan yang ditetapkan."

"Insya Allah kebenaran akan dapat dibuktikan, tapi bagi masa yang selangitnya untuk disiasat dan disemak betul-betul supaya dapat mengelakkan selangit kekeliruan," katanya.

Pada masa sama, Amirudin berkata, orang awam yang mempunyai bukti seperti gambar dan video yang sahih menyalurkaninya kepada agensi penyiasat supaya siasatan dapat dijalankan dengan terperinci.

"Ini membolehkan pasukan siasatan mengesan saksi di tempat kejadian pada waktu insiden supaya semua elemen yang berkaitan dapat dilulus secara menyeluruh oleh Jawatankuasa penguatkuasaan."

"Penting untuk proses ini dilaksanakan secara telus. Tiada sesiapa yang akan terlepas dan setiap pihak yang terkait akan disiasat. Saya memberi jaminan penuh kepada pasukan penyiasat diketuai Datuk Hussein untuk bertindak tanpa menyalah kepada mana-mana pihak kerana kebenaran, without fear or favour," katanya.

Sementara itu, Amirudin menegaskan tiada isu pilih kasih dalam pengagihan bantuan kepada mangsa terjejas letupan paip gas di Putra Heights itu.

Selawat agihan sumbangan
Beliau berkata, kerajaan negeri dan PETRONAS akan menyelaraskan agihan sumbangan bagi memastikan ia teratur dan sampai kepada penerima yang sah.

"Semalam (Gedamarin), Pejabat Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan bahawa semua sumbangan akan diserahkan di Pejabat Menteri Besar bersama PETRONAS kerana sudah ada beberapa sumbangan daripada PETRONAS sebelum ini."

"Sumbangan tambahan dari pada pihak lain akan menyusul secara berurutan bagi memastikan bantuan sampai kepada mereka yang benar-benar layak. Kita tidak mahu mana-mana yang layak terlewat," katanya.

Amirudin menegaskan, semua pemberian bantuan oleh kerajaan adalah jelas malah pihak berkuasa perlu berfikir dahulu mengesahkan pemilikan rumah bagi memastikan kelayakan penerima.

"Sumbangan yang diutuskan kerajaan digariskan dengan jelas iaitu RM5,000 bagi mereka yang mengalami kerugian keseluruhan, sementara RM2,500 untuk penyewa dan bagi pemilik rumah yang tidak total lost."

"Saya harap semua bersabar. Sekiranya berlaku kelewatan kerana pengesahan, ia kerana kita sedang berusaha mengendalikannya pengagihan sumbangan ini sebaik mungkin dengan penuh tanggungjawab dan beretika," katanya.

Letupan paip gas di Putra Heights

Agong hulur sumbangan peribadi RM1,000 kepada setiap 308 keluarga

Subang Jaya: Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim Sultan Ismail Al-Marhum, telah menyerahkan sumbangan peribadi RM1,000 kepada 308 keluarga yang terjejas akibat letupan paip gas di Putra Heights.

Sumbangan itu diserahkan ke pihak agensi penyertaan masjid di pusat pemerintahan agama Islam (PPSA) Dewan Masjid Putra Heights.

Baginda yang di PPA berkenan dan datang memandu sendiri kereta Proton Satria Neo pada jam 10.30 pagi, Alhamdulillah.

Selamat: Tengku Amir Shah, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari.

Terdahulu, Baginda Ibrahim melawat lokasi kebakaran paip gas di Putra Heights di sini, pada jam 9.40 pagi.

Baginda turut diberikan turat berhubung situasi semasa oleh Amirudin dan Ketua PPA Selangor, Datuk Husna Omar Khan.

Baginda menasihatkan keprihatinan terhadap nasib mangsa dan turut bertanyakan bagaimana kaedah untuk mengatasi trauma dihadapi mereka.



Sultan Ibrahim ditinjau Terengganu Shah berkenan menyerahkan sumbangan peribadi kepada setiap mangsa di PPS Dewan Masjid Putra Heights, Subang Jaya, semalam. (Foto Awam/AGS/Alh)

130 unit kediaman disahkan selamat, penghuni dibenar pulang

Kawalan masuk ke lokasi terjejas diperketat jamin keselamatan penduduk

By: Nur Hafizah M. Yusoff
hnews@bhd.com.my

Shah Alam: Sejumlah 130 unit rumah terjejas akibat letupan letupan paip gas di Putra Heights, disahkan selamat dan penghuninya adalah dibenarkan pulang ke kawasan terjejas.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata 130 unit rumah itu daripada keseluruhan 235 yang dirombak pasti terjejas di kawasan Taman Putra Harmoni.

"Bagaimanapun, penghuni di Kampung Sungai Baru belum dibenarkan pulang kerana kebimbangan masih belum selamat sepenuhnya. Laporan pihak bomba, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Jabatan Berkuatan."

Justeru, saya mengingatkan penduduk yang belum mendapat kebenaran pulang, tidak pulang ke rumah masing-masing kerana tiada jaminan keselamatan.

"Saya juga akan memperketatkan kawalan kemusukannya kerana di pihak polis ada kelengkapan tertentu sahaja untuk membenarkan mereka mengambil dokumen penting dengan dilindungi bomba di lokasi," katanya pada sidang media di Wisma Dewan

Amirudin, di sini, semalam.

Amirudin berkata, kerajaan negeri lambang berlaku perkara tidak diingini jika mereka masuk ke lokasi berkenaan tanpa pengetahuan pihak berkuasa.

"Kalau mereka masuk sendiri tanpa melapor kepada komuniti atau pegawai kita di lapangan, saya bimbang akan berlaku insiden yang tidak kita ingini."

"Ada laporan saya terima, mereka yang pulang ke rumah terpaksa mendapatkan rawatan bolak di pusat pemindahan sementara (PPS) kerana menghadapi sesuatu yang kurang selama sebelum mereka pulang."

"Apabila disemak itu di kawasan Kampung Sungai Baru atau Kampung Kuala Sungai Baru yang belum ada keputusan (kebenaran pulang ke rumah)," katanya.

Sementara itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri mengawal jawat 500 keluarga yang terjejas di lokasi tragedi itu berdaftar dengan PPS, namun sebahagian tidak tinggal di situ sebaliknya memilih tinggal di luar kawasan.

"Masih ada mangsa menyewa atau pemilik rumah di Taman Putra Harmoni dan Kampung Kuala Sungai Baru tidak berdaftar kerana belum pulang dari kampung berikutan gili, Aidil Fitri. Saya minta mereka daftar dengan segera."

"Mereka perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di PPS Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights, tidak kira sama ada ingin duduk



Penduduk menaiki kenderaan polis untuk masuk ke kediaman bagi mengambil barangan keperluan serta dokumen penting. (Foto BERHAMA)

di PPS atau tidak, termasuk mangsa yang kini memuncak rumah saudara-mara atau rumah kawan atau di rumah lain.

"Apa yang penting, buat masa ini kena mendaftar dengan PPS supaya tiada sesiapa terjejas daripada letupan yang akan disalurkan," katanya menambal proses pendaftaran mangsa dijangka ditutup dengan hari ini.

"Esok hari ini, pendaftaran kita akan tutup sebab kita hendak selaraskan segala data dan maklumat dengan bomba dan JKJ."

"Pulaut Tanah dan Tanah Pejalang juga akan membuat perbandingan semasa rumah yang kita sudah koral pasti."

"Ada kermiluan kerana di beberapa lokasi, beberapa premis adalah rumah sewa, sebahagiannya lebih daripada satu pintu. Justeru, kita ada satu kategori baharu, iaitu kategori penyewa."

"Jadi rumah yang minnah sepuhnya itu kategori satu, kategori kedua adalah rumah yang terkesan tetapi tidak minnah dan penyewa," katanya.

Katanya, pemilik rumah musnah sepenuhnya akan menerima RM5,000, pemilik rumah dan penyewa terkesan pula masing-masing akan menerima RM2,500 bermula esok.

"Sumbangan ini dijangka disalurkan sepanjang minggu depan. Kita ucapkan terima kasih kepada semua terjejas sama ada PETRONAS, pengurusan bencana peringkat negeri dan daerah serta JKJ yang menguruskan tempat perlindungan dan bantuan," katanya.

Letupan paip gas di Putra Heights

Hanya rumah rosak kurang 20 peratus selamat dihuni

Kebanyakan kediaman alami kerosakan kecil, terletak lebih 150 meter dari lokasi kejadian

Kuala Lumpur: Hanya kediaman yang mengalami kerosakan kurang daripada 20 peratus dalam insiden kebakaran dan letupan saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya akan dibenarkan untuk dihuni kembali bagi menjamin keselamatan penghuninya.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Nor Hisham Mohd. Said, berkata berdasarkan pemeriksaan dilakukan, kebanyakan rumah diletakkan dalam kategori selamat dihuni. Itu hanya mengalami kerosakan kecil seperti cermin tingkap pecah, selat kerosak bahang kecil pada bumbung dan siling.

Beliau berkata, kebanyakan rumah itu juga terletak lebih 150

meter dari lokasi kejadian.

"Melalui persetujuan Jawatan Kuasa Pengurusan Bencana Negara, baid kediaman dengan kerosakan kecil atau tiada kerosakan akan diberikan markah untuk masuk."

"Yang membolehkan kerosakan besar tidak sesuai untuk masuk kecuali selepas penilaian lanjut terhadap kekuatan struktur dan pembaikan dilaksanakan," katanya.

Penilaian awal OK

Nor Hisham berkata, penilaian keselamatan dilakukan bersama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta kontraktor pendawaian elektrik.

Beliau berkata, pemeriksaan secara kebolehlifatan terhadap unit rumah terjejas membolehkan pemuktamad struktur bangunan di dinding, lantai, bumbung dan rangka bangunan, selain terhadap sistem pendawaian elektrik.

Mengulas lanjut sebagai agensi sokongan, Nor Hisham berkata, setakat ini tiada keperluan untuk mendapatkan Surai Penyelaman dan Pematuhan (CCO) baharu untuk kategori rumah berkenaan dan sila itu diperlukan sekiranya



Kebanyakan rumah diletakkan dalam kategori selamat dihuni hanya mengalami kerosakan kecil seperti cermin tingkap pecah, selat kerosak bahang kecil pada bumbung dan siling. (Foto: Khairul Mohamad/Utusan)

terdapat perubahan besar struktur rumah seperti bangunan baharu.

Sebelum itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, dilaporkan berkata 86 rumah di Taman Harmoni disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang ke rumah masing-masing serta bekalan air dan elektrik disambungkan ke

rumah tersebut.

Secara keseluruhannya insiden ini membabitkan 1,254 orang daripada 308 keluarga dengan 86 rumah mengalami kerosakan sepenuhnya dan tidak boleh didiami, manakala 148 rumah terjejas serta mengalami kerosakan tetapi boleh didiami setelah proses pemeriksaan dilakukan.

BERNAMA



Loke bersama Vincent Tan, Keny Wai (gambar tengah) dan Ketua Pegawai Peritrogen Kumpulan CARSCOM, Aaron Ken (gambar kanan) menyebarkan bantuan kepada majikan penyekoran di Stesen LRT Putra Heights, semalam.

(Foto: Mubashir Sami/BERNAMA)

Tiga syarikat swasta tampil hulur bantuan

Subang Jaya: Tiga syarikat swasta tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa kebakaran paip gas di Putra Heights di sini, semalam.

Berjaya Corporation, Berjaya BCorp, masing-masing menyumbangkan RM3,000 kepada 300 keluarga, manakala syarikat pemaju, Matrix Concept Holdings Berhad (Matrix) menyumbangkan

RM3,000 kepada 100 keluarga.

Syarikat «dagang kereta bersepeda, Carsome pula menaja 50 kereta untuk kegunaan mangsa kebakaran selama sebulan dengan fasa pertama semalam, penyerahan kepada mangsa membabitkan 20 kereta.

Selain itu, terdapat syarikat bersejuru untuk menaja 63 motorikal kepada mangsa kebakaran

di Putra Heights yang akan diserahkan esok.

Menyentuh pengangkutan, Anthony Loke, berkata beliau menghargai usaha beberapa syarikat yang tampil menyumbangkan bantuan kepada mangsa kebakaran ini.

Jadi banyak syarikat korporat tampil ke depan menyumbangkan bantuan dan sumbangan ini satu sumbangan yang baik dalam

kalangan rakyat Malaysia.

“Ia menunjukkan bahawa apabila kita dirimpa bencana dan kesukaran, semua pihak berganding bahu bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk bersama membantunya antara satu sama lain.”

“Saya harap semangat ini menunjukkan satu semangat rakyat Malaysia yang kita boleh banggakan,” katanya ketika ditemui

pemberita, di sini semalam.

Bedau berkata demikian selepas menghadiri majlis penyerahan bantuan di pejabat Stesen LRT Putra Heights semalam.

Yang hadir sama, Pengasas BCorp, Tan Sri Vincent Tan; Ketua Pegawai Eksekutif, Matrix Chai Ken Wai dan Ketua Pegawai Eksekutif Carsome, Eric Cheng.

Rumah terbuka Aidilfitri MADANI Selangor dibatalkan

RH
6/4

Shah Alam: Penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri MADANI 2025 Peringkat Selangor yang dijadualkan hari ini dibatalkan bagi menghormati mangsa dan keluarga yang terabit dengan insiden di Putra Heights.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata perkara itu diputuskan selepas mendapat perkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah serta persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Oleh itu, segala persiapan seperti makanan akan disalurkan kepada pusat pemindahan sementara (PPS), rumah anak yatim, sekolah berasrama serta petugas keselamatan.

"Saya mewakili seluruh warga kerajaan negeri memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul susulan pembatalan ini demi menghormati mangsa dan keluarga yang terabit dengan insiden di Putra Heights," katanya dalam kenyataan ringkas, semalam.

Pada masa sama, Amirudin melahirkan penghargaan buat seluruh pasukan petugas dan pelaksana majlis yang bertungkus lumus memastikan majlis boleh berjalan sebagaimana matlamat, namun beliau sangat menghargai persefahaman bersama demi perkara yang lebih utama.

Letupan paip gas di Putra Heights

Sultan Selangor zahir dukacita, harap mangsa sabar



Baginda titah MAIS hulus bantuan, gunakan TIJARI salur sumbangan kepada pelajar

by M17

Oleh Eric Gracey Aja dan Ruwaidi Md Zain
blnews@bl.com.my

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menzahirkan rasa sedih dan dukacita dengan tragedi letupan paip gas di Putra Heights yang berlaku Selasa lalu.

Menerusi Selangor Royal Office, baginda menjabarkan mangsa dan keluarga mereka dapat menhadapi ujian Allah SWT dengan penuh kesabaran.

Baginda mentitahkan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), menyalurkan bantuan kepada pelajar yang terjejas akibat tragedi itu.

"Baginda mentitahkan Tabung Infak Jariah Dpat Islam Selangor (TIJARI) turut digunakan untuk memberikan bantuan kewangan kepada YIDE bagi membolehkan yayasan itu menyalurkan bantuan kepada pelajar yang berkenaan termasuk pelajar bukan beragama Islam.

"Baginda mentitahkan pihak pengurusan masjid dan surau terutama yang berdekatan dengan lokasi tragedi di Putra Heights bersedia untuk membolehkan masjid dan surau itu digunakan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) kepada mangsa yang terbahli.

"Baginda turut mentitahkan aktiviti solat fardu berjemaah hendaklah terus dilaksanakan seperti biasa di masjid dan surau dan tidak diangguhkan sepanjang masjid dan surau itu digunakan sebagai PPS," titah baginda keimari.

PPS bagi bantuan awal RM500

Sementara itu, Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengambil inisiatif menyalurkan bantuan awal RM500 kepada keluarga mangsa letupan paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya, termasuk Kampung Kuala Sungai Baru yang turut terjejas.

LZS dalam kenyataan berkafe, bantuan itu tidak terbah kepada asnaf fakir dan miskin yang berdaftar dengan LZS, tetapi juga kepada mangsa bukan asnaf yang turut terjejas dalam tragedi ini.

Bagi memastikan penyalurkan bantuan berjalan lancar, LZS mengaktifkan portal khas bagi memudahkan mangsa membuat permohonan segera dalam talian.

"Permohonan boleh dilakukan di pautan <https://lzsportal.zakatselangor.com.my/kebakaramptelneg> mulai 2 April sehingga 15 April 2025, dengan mengemukakan laporan polis

atau pengesahan daripada wakil peminpin masyarakat melalui portal khas yang disediakan," katanya.

Bermula Selasa, LZS menempatkan Lori ZASSS (Zakat Selangor Sana Sini) di Masjid Putra Heights sebagai kaunter perkhidmatan sementara bagi memudahkan mangsa kebakaran dan keluarga mereka mendapatkan bantuan secara langsung, tanpa perlu hadir ke cawangan LZS.

Katanya, melalui penyediaan portal khas dan pemempatan Lori ZASSS di PPS, LZS membolehkan akses kepada bantuan di permudah serta disampaikan

dengan segera dan berkesan.

Selain bantuan awal bermula dari hari kejadian, katanya, LZS turut menyediakan bantuan suulan membantu mangsa bangkit semula pasca bencana.

Ini termasuk menyediakan bantuan baik pulih rumah, bantuan bina rumah dan bantuan sewa rumah bagi asnaf yang kehilangan tempat tinggal serta bantuan musnah bencana kenderaan bagi mangsa bukan asnaf yang terjejas.

Sering dengan usaha membantu mangsa kebakaran ini, LZS membuka peluang kepada masyarakat untuk beransam menyumbang zakat melalui CrowdZakat di pautan <https://crowdzakat.zakatselangor.com.my/portal-main/campaign-detail/kebakaramptelneg>.

Menuruti LZS, dana yang dikumpulkan akan digunakan bagi menampung keperluan mendesak serta pemuliharaan jangka panjang mangsa tragedi ini.

BERNAMA pula melaporkan Co-opbank Postbank (CBP) memberi bantuan kepada pelanggan terjejas dalam kebakaran saluran gas itu.

Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Khairul Amar Mohammad Amar berkata pelanggan terjejas boleh menghubungi talian khidmat pelanggan di 1-300-88-7650 atau email info@cbp.com.my.

Kementerian Digital pula meneliti langkah bagi menyalurkan bantuan peranti kepada mangsa kebakaran saluran paip itu.

Menuruti, Gobind Singh Deso, berkata ia badi meredakan beban penduduk terjejas dengan memperantarkan peranti digital seperti komputer riba dan telefon yang rosak akibat kebakaran.



Kesan kemusnahkan akibat letupan paip gas di Putra Heights, Selangor lalu.

(Foto: Ruwaidi Md Zain/BLN)

PM arah selaraskan bantuan dengan MB Selangor, PETRONAS

by 7/4
Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerahkan semua bantuan dan usaha koordinasi membolehkan kebajikan di Putra Heights diselaraskan secara langsung dengan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin

Shari dan PETRONAS.

Perdana Menteri dalam satu kenyataan berkata, langkah itu bagi memastikan segala gerak kerja terkait pengurusan bantuan di lapangan dapat dilaksanai dengan efisien dan lebih berkesan.

Katanya, kerjasama antara kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan sektor swasta amat penting memastikan situasi ini dengan segera dan menyeluruh.

"Segala bentuk bantuan dan usaha koordinasi terkait insiden kebakaran di Putra Heights per-

lu disediakan secara langsung dengan Menteri Besar Selangor dan pihak PETRONAS, termasuk Presiden Persatuan Ketua-Pesawat Eksekutif Kumpulan, Tan Sri Yusoff Muhammad Taifik Yusoff Kamsajaya Aziz," menurut kenyataan itu, sebelum.

Menurut kenyataan itu lagi, Perdana Menteri akan terus memantau perkembangan semasa dan memberi sokongan dan dukungan penuh terhadap segala usaha pemuliharaan keselamatan yang sedang dilaksanakan.

'PETRONAS miliki sistem kesan kebocoran'

BA 714

Subang Jaya: Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan PETRONAS memiliki sistem untuk mengesan sebarang kebocoran yang mungkin berlaku pada setiap saluran paip gas bawah tanah milik syarikat itu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata pasukan penyiasatan ketika ini sedang mendapatkan data dari pada sistem berkenaan bagi menentusahkan sama ada terdapat kebocoran pada paip gas berusia 30 tahun di tempat kejadian.

"PETRONAS menerusi maklumbalas awal memberitahu, ti

ada sebarang ancaman berkaitan kebocoran gas pada paip bawah tanah di lokasi kejadian.

"Bapaalmupun, kita perlu mendapatkan butiran terperinci mengenai sistem berkenaan bagi memastikan benar-benar tidak berlaku kebocoran pada saluran paip tertidur," katanya di sini, semalam.

Hussein berkata, jawatankuasa teknik bagi siasatan letupan paip gas bawah tanah akan melaksanakan kerja mengorek kawasan dalam lapan meter yang terhasil akibat letupan pada 15 April lalu.

Jawatankuasa itu diketuai

kan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), selain Jabatan Kerja Raya Selangor dengan siasatan dibuat mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSHA).

Beliau berkata, kerja mengorek tanah itu dibuat bagi mengeluarkan jangka yang terbenam akibat letupan saluran paip. Beliau tahu.

Katanya, kerja mengorek kawasan dengan diameter 70 meter (m) itu bagi membolehkan siasatan terperinci bagi mengenalpasti punca kejadian.

"Ketika ini, kita sedang me-

laksanakan kerja menastikan kawasan terdapat supaya apabila aktiviti mengorek dibuat, kita mendapatkan keterangan fizikal yang jelas.

"Ita termasuk melihat lebih jelas saiz paip dan kemungkinan bahan letupan lain yang ada di kawasan kawah berkenaan," katanya.

Pasukan teknikal di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri terdiri daripada agensi seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Jabatan Keselama-

tan dan Kesihatan Pekerjaan, PETRONAS dan Jabatan Mineral dan Geosains.

Sementara itu, Hussein mena- rikan dakwaan penemuan mayat rentung akibat kejadian terba- bit, selain Unit Amjing Pengesan (K9) dan formak sudah digerak- kan bagi mengesan mayat atau mangsa yang mungkin masih terperangkap.

Beliau berkata, siasatan sama- rutan dilakukan di Sungai Klang yang terletak kira-kira 50m dari tempat kejadian dan tiada seba- rang mayat atau mangsa terpe- rangkap yang ditemui.

Letupan paip gas di Putra Heights

Selangor tawar lebih 100 rumah sementara kepada mangsa

Sebahagian kadar sewaan kediaman ditanggung kerajaan negeri

Oleh Muhammad Yusri
Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Subang Jaya: Lebih 100 rumah sementara ditawarkan kepada mangsa letupan paip gas bawah tanah di Putra Heights, di sini.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, berkata tawaran itu dibuat menerusi skim SMART Sewa Selangor dengan sebahagian kadar sewaan akan ditanggung kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan negeri ketika ini masih mengenal pasti tempat kediaman sementara berkenaan dan mangsa boleh memasuki rumah itu mulai

minggu depan.

"Rumah sementara ini akan disediakan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), selain turut mendapat kerjasama daripada pihak Airbini.

"Sebahagian mangsa akan ditempatkan di Kota Warisan, Sepang, manakala baki bakal mendiami rumah di beberapa kawasan yang akan dikenal pasti kemudian.

"Kita cuba menyediakan rumah sementara di kawasan berhampiran, namun ia bergantung kepada ketersediaan dan jumlah unit rizab dalam pegangan kerajaan negeri," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Kebakaran besar paip gas berlaku di Putra Heights, Selangor Selasa lalu menyebabkan kemusnahan besar sehingga memaksa sebahagian penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS).

Kebakaran saluran paip gas PETRONAS bermula kira-kira

jam 8 pagi itu menyebabkan api menjulang tinggi sehingga dapat dilihat beberapa kilometer.

Mangsa tawar pulang

Sementara itu, Amirudin yang juga Ahli Parlimen Gombak berkata, lebih ramai mangsa dibenarkan pulang ke kediaman semalam.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Tua berkata, kumpulan kedua yang akan dibenarkan pulang itu membatalkan baki daripada 115 rumah yang dikenal pasti selamat untuk diduduki semula.

"Kumpulan kedua mangsa ini akan dibenarkan pulang ke kediaman mereka hari ini (semalam), selepas pihak berkuasa teknikal mengesahkan kediaman mereka selamat diduduki semula.

"Mereka dibenarkan pulang selepas pihak berkuasa membuat pemeriksaan semula perkhidmatan utiliti," katanya.



Keluarga terjejas ditempatkan di PPS Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights. (Oleh Ahmad Ulazmi/BH)

BERITA HARIAN

Tarikh 07 APR 2025

'Layak dapat pampasan jika terbukti kecuaiian jadi punca'

DR YH

Kuala Lumpur: Penduduk di Petron Heights yang terjejas dalam tragedi kobaran api seluruh paip gas layak serai undang-undang untuk menerima pampasan yang sewajarnya jika pihak berkaitan dapat membuktikan (mal) dan berpuisi daripada kecuaiian atau pelanggaran undang-undang oleh mana-mana pihak berkaitan.

Pegawai Dr Mahmut Jumaat berkata pihak berkaitan sama ada Petronas Nasional Berhad (PETRONAS), kontraktor, pejabat atau pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh dikenakan tindakan dan sewajarnya berunding kepada pihak yang dituduh pihak berkuasa.

"Dalam sistem undang-undang civil Malaysia, apabila seseorang individu memahami kerugian atau kecederaan akibat kecuaiian pihak lain, mereka berhak menuntut ganti rugi melalui tindakan mahkamah."

"Ganti rugi ini bertujuan mengembalikan mangsa kepada kedudukan asal sebelum kerugian berlaku, sejauh mana yang boleh dilakukan dengan wang pampasan."

Perkara ini ditengokkan dalam kes Highland Towers antara Majlis Perbandaran Ampang Jaya melawan Steven Phoo Cheong Loon, di mana Mahkamah Tinggi

menetapkan bahawa mangsa yang terjejas akibat kecuaiian pihak bertanggungjawab menerima ganti rugi baki dan kerugian. Layak mendapat ganti rugi kerana kecuaiian itu menyebabkan kerosakan hartanah, trauma psikologi serta kehilangan (kompai tinggal)," katanya.

Mahmut berkata, ganti rugi lain juga yang boleh dituntut termasuk kos membaiki rumah perolehan, perubatan, kehilangan pendapatan dan trauma emosi serta yang penting pampasan itu tidak tertakluk kepada perundangan insurans mangsa.

"Walaupun seseorang tidak mempunyai perlindungan special perle dalam polis insurans, mereka masih berhak menuntut pampasan daripada pihak ketiga yang cuai, undang-undang tidak menghalang pihak mangsa untuk meyakinkan pihak bertanggungjawab hanya kerana ketiadaan insurans," katanya.

Selain itu, Mahmut berkata, jika terbukti bahawa pelanggaran statutori seperti di bawah Akta Bekalan Gas 1993 atau undang-undang keselamatan tempat kerja, mangsa pihak seperti PETRONAS untuk memagmati langkah sewajarnya boleh dianggap sebagai bukti kukuh kecuaiian yang seterusnya melayakkan mangsa menuntut pampasan.

Mangsa selepas paip gas itu boleh menuntut tuntutan civil berdasarkan tort kerana tuntutan kecuaiian terhadap pihak yang bertanggungjawab. Dalam tuntutan kecuaiian, mangsa perlu membuktikan elemen seperti kewujudan kewajipan berhubung pihak yang menjalankan aktiviti ultra-merebanya boleh dipertanggungjawabkan secara automatik atau sekurang-kurangnya yang terhasil walaupun tanpa bukti kecuaiian langsung.

Dalam konteks ini, paip gas bertekanan tinggi dianggap sebagai berbahaya.

Oleh itu, mangsa boleh mendakwa selepas itu menimbulkan tanggungan ketat. Contohnya, PETRONAS sebagai pembekal gas berisiko tinggi mungkin bertanggungjawab atas kerosakan akibat letupan walaupun segala langkah berjaga-jaga telah diambil sekalipun. Bagaimanapun, prinsip tanggungan ketat ini ter-

sebut (a), dan mempromutikan pembeli jika gagal mengimbiti langkah wajar mengenai keselamatan awam (Seksyen 232) katanya.

Mahmut berkata, kegagalan mematuhi kewajiban statutori ini sebagai contoh, PETRONAS sebagai pemegang lesen boleh dikenakan masa hukuman atau sekurang-kurangnya baki kompromis, di mana mangsa terjejas boleh menuntut ganti rugi di mahkamah atas kerosakan yang dialami.

Di samping itu, mangsa boleh menuntut tuntutan berdasarkan prinsip liability ketat, doktrin liability ketat bermaksud bahawa pihak yang menjalankan aktiviti ultra-merebanya boleh dipertanggungjawabkan secara automatik atau sekurang-kurangnya yang terhasil walaupun tanpa bukti kecuaiian langsung.

Dalam konteks ini, paip gas bertekanan tinggi dianggap sebagai berbahaya.

Oleh itu, mangsa boleh mendakwa selepas itu menimbulkan tanggungan ketat. Contohnya, PETRONAS sebagai pembekal gas berisiko tinggi mungkin bertanggungjawab atas kerosakan akibat letupan walaupun segala langkah berjaga-jaga telah diambil sekalipun. Bagaimanapun, prinsip tanggungan ketat ini ter-

sebut kepada pengucapan seperti act of God atau tindakan pihak ketiga yang benar-benar di luar kawalan defendan," katanya.

Beliau berkata, pihak yang boleh menuntut termasuk PETRONAS atau anak syarikatnya seperti Petronas Gas Berhad yang memilikiti dan mengurus paip gas serta kontraktor atau syarikat pembinaan yang mungkin menyebabkan kerosakan operasi menjalankan kerja di kawasan itu.

Jika terbukti terpa pemporokan atau pembangunan oleh kontraktor dilakukan tanpa mematuhi pelan utiliti atau prosedur keselamatan, mereka boleh dikenakan liability.

PBT seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya (MBSJ) juga tidak terkecuali sekiranya tidak peti gagal melaksanakan kawalan sewajarnya ke atas pembangunan, berhampiran paip gas. Namun, liability statutori di bawah Seksyen 96(2) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 boleh melindungi PBT jika tindakan mereka adalah dalam skop kawal selia undang-undang.

"Mahkamah akan menilai sama ada tindakan mereka bersifat dasar atau keputusan operasi yang tidak dihindari oleh imuniti," katanya.



Mahmut Jumaat



PARA petugas pelbagai agensi meninjau keadaan semasa lokasi kejadian susulan insiden kebakaran melibatkan saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Selangor, semalam.

Jangan ambil risiko, periksa dulu keselamatan

PETALING JAYA: Kawasan letupan saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya tidak wajar dibuka semula kepada penduduk dalam masa terdekat selagi siasatan tidak selesai dan aspek keselamatan belum dipastikan sepenuhnya.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S. Piara-pakaran berkata, penilaian menyeluruh terhadap punca insiden, keadaan struktur premis, sistem perpaipan serta pendawaian perlu dilakukan terlebih dahulu.

Katanya, penilaian rapi wajar dilakukan terhadap struktur premis, sistem paip dan pendawaian sebelum penduduk dibenarkan kembali ke kediaman masing-masing.

Beliau menjelaskan bahawa kawasan terdedah kepada suhu melampau dan gegaran akibat letupan berisiko mengalami kerosakan tersembunyi hanya dapat dikesan melalui ujian teknikal.

"Pihak berwajib perlu melakukan pemeriksaan penuh terhadap struktur premis untuk menentukan tahap keselamatannya sebelum membenarkan penduduk pulang ke rumah mereka."

"Saya mencadangkan supaya agensi berkaitan melaksanakan pemeriksaan seperti melibatkan komuniti sekitar saluran paip dalam pelan tindak balas kecemasan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau turut menekankan kepentingan pelaksanaan penilaian risiko secara berkala terhadap sistem paip gas terutama berhampiran kawasan perumahan, hospital dan infrastruktur kritikal.

"Langkah keselamatan tambahan bagi kawasan kritikal seperti perumahan dan infrastruktur utiliti patut dikaji dan dilaksanakan dengan segera. Analisis risiko sistem bekalan gas patut dijalankan mengelakkan insiden sebegini daripada berulang," katanya.

Kerja gali tanah oleh pemaju pada kedalaman dibenarkan

UM
7/4

SUBANG JAYA: Pasukan penyasat akan melakukan penggalian lebih luas di kawasan saluran paip gas yang meletup di Putra Heights di sini bagi mencari punca sebenar, ia berlaku Selasa lalu.

Siasatan awal mendapati, paip kumbahan yang dipasang oleh pihak pemaju yang dikatakan menjadi punca kejadian adalah pada kedalaman dan saiz dibenarkan, iaitu tidak melebihi tiga meter dari paras jalan.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, pihaknya mendapati kerja-kerja penggalian dan pemasangan paip kumbahan adalah pada kedalaman 2.1 meter dengan lebar korekan 1.5 meter dari aras jalan berkenaan.

Menurutnya, kerja-kerja penggalian semula laluan paip itu dilakukan oleh pihak berkuasa bagi mengetahui sama ada terdapat sebarang unsur jenayah di lokasi kejadian.

"Kerja-kerja pemasangan yang dilakukan kontraktor adalah sepanjang lebih 30 meter dan dipercayai akan disambung lagi. Jalan yang merentasi laluan paip gas Petronas pula adalah jalan yang diluluskan," katanya dalam

sidang akhbar di Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) di Jalan Putra Harmoni di sini, semalam.

Tambah Hussein, kerja-kerja penggalian dilakukan dengan tiga jengkaut, sebuah jentera pengorek dan jentolak bagi membuka kawasan dan meninjau kedudukan paip Petronas yang dipercayai berada di kedalaman enam hingga tujuh meter.

"Kitamendapati paip gas ini berada pada kedalaman 5.6 meter dari aras jalan. Maksudnya, jarak antara paip kumbahan dan paip gas adalah 1.6 meter. Keadaan fizikal paip ini tidak menunjukkan sebarang gangguan yang nyata," katanya.

Kerja-kerja penggalian itu melibatkan Petronas, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Air Selangor dan kontraktor.

Disoal sama ada ukuran 1.6 meter adalah jarak yang selamat, ujarnya, polis masih memerlukan siasatan lanjut kerana perlu menggali keseluruhan laluan saluran paip itu sehingga ke lokasi bencana.

"Keputusan tersebut akan diketahui sehingga keseluruhan saluran paip itu dirungkai bagi siasatan lanjut," katanya.

Hussein berkata, bomba mengesahkan sebanyak 220 rumah adalah Selamat iaitu tidak terjejas daripada 439 rumah yang dinilai dalam radius 325 meter dari pusat letupan.

"Rumah terjejas adalah sebanyak 219 buah dan daripada jumlah ini, 87 mengalami kerosakan melebihi 20 peratus (kerosakan besar) dan 132 mengalami kerosakan kecil (kurang 20 peratus)," jelasnya.

Katanya, rumah-rumah yang mengalami kerosakan di bawah 20 peratus dibenarkan dibaiki oleh penghuni atau tuan rumah mulai, semalam.

Menurutnya, senarai rumah-rumah tersebut akan diedarkan dan dimaklumkan kepada penghuni dalam masa terdekat.

"Sehingga sekarang sebanyak 130 rumah boleh diduduki semula. Sebanyak 45 pemilik rumah sudah berpindah dan pada hari ini 24 rumah di Kampung Kuala Sungai Baru. Jadi, jumlah rumah yang boleh diduduki adalah 154 rumah," katanya.

Sistem paip bawah tanah perlu dinilai semula

UM 7/4

PETALING JAYA: Insiden letupan paip gas di Putra Heights, Subang Jaya dekat sini pada 1 April lalu membuktikan bahawa sistem pengangkutan tenaga bawah tanah di negara ini terdedah kepada pelbagai risiko yang memerlukan penilaian semula daripada aspek keselamatan dan pemantauan.

Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Fakulti Alam Bina dan Ukur Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Ts. Dr. Muhammad Zaly Shah berkata, sistem saluran paip seperti itu berfungsi seumpama rangkaian jalan raya tetapi tertanam di bawah tanah, sekali gus menjadikannya lebih kompleks dan berisiko tinggi.

Katanya, insiden yang berlaku dipercayai memenuhi semua elemen fizikal dan kimia yang dikenal pasti dalam prinsip segi tiga api.

"Tiga unsur iaitu gas, oksigen dan percikan api boleh

mencetuskan letupan jika wujud secara serentak walaupun berlaku kebocoran gas bersifat mikro yang sukar dikesan dengan sistem biasa.

"Letupan juga boleh berlaku jika terdapat aktiviti berhampiran yang menghasilkan haba seperti kerja kimpalan atau tekanan terhadap paip akibat pergerakan tanah, ditambah pula dengan zon selamat yang tidak dikawal rapi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, terdapat tiga unsur yang boleh menyebabkan letupan pada saluran paip gas di Putra Heights.

Tambah Muhammad Zaly Shah, walaupun saluran paip kelihatan selamat di permukaan, risiko kerosakan dalaman tetap wujud terutama jika penyelenggaraan teknikal tidak dilakukan secara berkala.

BNM mungkin turunkan OPR susulan tarif AS

PETALING JAYA: Bank Negara Malaysia (BNM) berkemungkinan mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 2.75 peratus tahun ini bagi menanggapi risiko pertumbuhan ekonomi lebih rendah susulan pengenaan tarif timbal balik baharu oleh Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, menurut Kajian Pasaran dan Perbendaharaan CIMB.

Katanya, BNM mungkin mempertimbangkan untuk memotong OPR pada Julai untuk menyokong permintaan dalam negeri, selepas satu

tempoh pemerhatian untuk rundingan perdagangan.

Ini terutamanya sekiranya cabaran global, yang berpunca daripada kelembapan AS yang lebih teruk daripada jangkaan atau kelemahan lebih luas dalam permintaan luar

menjadi lebih hebat, seterusnya menekan momentum pertumbuhan Malaysia.

"Ketika BNM setakat ini mengelakkan pendirian berhati-hati, kami me-

nyemak semula ramalan OPR kami kepada satu pemotongan sebanyak 25 mata asas kepada 2.75 peratus pada 2025, berbanding tiga peratus sebelum ini," katanya dalam nota kajian.

Sebelum ini, Trump mengumumkan tarif timbal balik baharu ke atas import yang mencekutkan kejulan ekonomi dan menggagalkan pasaran global.

Malaysia dikenakan tarif timbal balik 24 peratus, manakala China sebanyak 34 peratus, Kesatuan Eropah (20 peratus), Thailand (36 peratus), Vietnam (46 peratus), Jepun (24 peratus), Kemboja (49 peratus), Afrika Selatan (30 peratus) dan Taiwan (32 peratus).

Menurut CIMB, tarif berkenaan, yang berlatarbelakangkan ekonomi domestik yang perlahan di AS (suku tahun keempat 2024: 2.5 peratus), menimbulkan

kan cabaran kepada pengeksport Asia mengikut kadar tarif dan pendedahan eksport ke pasaran AS.

"Kesan penggantian dan hakisan permintaan memberikan kejutan peringkat pertama kepada ekonomi berorientasikan eksport, termasuk Malaysia dan Thailand.

"Walaupun Indonesia misalnya lebih terlindung, ia menghadapi risiko penurunan daripada pesanan kedua, kesan daripada permintaan lebih lemah dalam pasaran utama seperti AS dan China yang melambatkan momentum pertumbuhan.

"Sehubungan itu, kami menurunkan prospek pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2025 untuk Malaysia kepada empat peratus daripada lima peratus sebelumnya," katanya.



DONALD Trump mengumumkan tarif timbal balik baharu ke atas import keluaran.

Penjawat awam ditahan miliki lebih 50,000 ^{UM} bahan lucah kanak-kanak

KUALA LUMPUR: Empat individu, termasuk seorang penjawat awam, ditahan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana disyaki terlibat dalam aktiviti memiliki dan mengedar lebih 50,000 bahan lucah membabitkan kanak-kanak (CSAM).

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, tiga lagi suspek terdiri daripada seorang akauntan, pereka web, dan pelatih syarikat telekomunikasi, berusia antara 26 hingga 49 tahun.

Katanya, kesemua mereka ditahan hasil operasi bersepadu yang melibatkan enam negara, diketuai Pasukan Polis Singapura, pada 20 Mac lalu di Ampang Jaya, Kajang, Shah Alam, dan Pulau Pinang.

"Operasi dijalankan dari 24 Februari hingga 28 Mac itu turut melibatkan enam negara termasuk Malaysia, Singapura, Thailand, Jepun, Korea Selatan, dan Hong Kong, dengan 435 individu ditahan keseluruhannya," katanya dalam sidang akhbar Operasi Cyber Guardian di Bukit Aman, di sini semalam.

Ayob berkata, modus operandi sindiket ini adalah melalui peranti elektronik untuk mengakses, menyimpan dan mengedar bahan lucah kanak-kanak dalam talian, termasuk menggunakan aplikasi Telegram.

